



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 804

AKTA PERGIGIAN 2018

Tarikh Perkenan Diraja	19 Jun 2018
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	26 Jun 2018

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 804

AKTA PERGIGIAN 2018

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

3. Penubuhan Majlis
4. Fungsi Majlis
5. Kuasa Majlis
6. Keanggotaan Majlis
7. Kuasa Menteri untuk melantik anggota Majlis
8. Kehilangan kelayakan daripada pelantikan, penamaan atau pemilihan
9. Pembatalan dan peletakan jawatan anggota Majlis
10. Penjalanan sementara fungsi Yang Dipertua
11. Setiausaha Majlis
12. Jawatankuasa Majlis
13. Elaun bagi anggota Majlis, dsb.
14. Pelantikan pekerja Majlis

BAHAGIAN III

LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA

15. Penubuhan Lembaga
16. Fungsi Lembaga

Seksyen

17. Kuasa Lembaga
18. Keanggotaan Lembaga
19. Kehilangan kelayakan daripada penamaan dan pelantikan
20. Pembatalan dan peletakan jawatan anggota Lembaga
21. Setiausaha Lembaga
22. Jawatankuasa Lembaga
23. Elaun bagi anggota Lembaga, dsb.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN PENGAMAL

Bab 1

Daftar

24. Pendaftar
25. Daftar
26. Perubahan dalam Daftar
27. Pemotongan nama daripada Daftar
28. Kemasukan semula nama ke dalam Daftar

Bab 2

Pendaftaran

29. Kelayakan bagi pendaftaran sebagai doktor pergigian
30. Kelayakan bagi pendaftaran sebagai juruterapi pergigian
31. Pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian
32. Sekatan ke atas pendaftaran
33. Panel Kelayakan Mengamal
34. Pendaftaran sebagai pakar pergigian
35. Pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas
36. Pendaftaran bersyarat

Bab 3

Perakuan Pengamalan

37. Perakuan pengamalan
38. Perakuan pengamalan tahunan
39. Pembatalan penggantungan

Seksyen

40. Perakuan pengamalan sementara
41. Keistimewaan bagi orang yang mempunyai perakuan pengamalan
42. Mempamerkan perakuan

Bab 4

Am

43. Menjalankan amalan sebagai juruterapi pergigian
44. Pemberitahuan pertukaran alamat
45. Penyampaian notis atau persuratan
46. Menandatangani perakuan sakit pergigian dan dokumen lain
47. Perkhidmatan masyarakat bagi doktor pergigian
48. Pertubuhan perbadanan pergigian dan syarikat pergigian
49. Pengecualian bagi doktor pergigian di atas kapal
50. Menjalankan tatacara pergigian

BAHAGIAN V

PROSIDING TATATERTIB

51. Pihak berkuasa tatatertib
52. Jawatankuasa Aduan
53. Aduan atau maklumat terhadap pengamal
54. Klasifikasi aduan atau maklumat
55. Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan
56. Jawatankuasa Tatatertib
57. Penolakan aduan
58. Hukuman tatatertib
59. Perakuan hendaklah dikembalikan
60. Rayuan
61. Kemasukan semula nama ke dalam Daftar

BAHAGIAN VI

KESALAHAN

62. Larangan menjalankan amalan pergigian oleh orang yang tidak berdaftar
63. Secara palsu menyamar sebagai pengamal
64. Memperihalkan kerjaya secara palsu

Seksyen

65. Pendaftaran secara fraud
66. Kesalahan yang berhubungan dengan perakuan pengamalan
67. Mempamerkan perakuan secara palsu
68. Menggaji seseorang yang bukan pengamal
69. Berselindung

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

70. Pegawai diberi kuasa
71. Pengemukaan kad kuasa rasmi
72. Kewajipan untuk membantu pegawai diberi kuasa
73. Kuasa untuk mengelak
74. Pelucuthakan barangan yang disita
75. Kos memegang barangan yang disita
76. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan kembali
77. Permulaan pendakwaan

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

78. Khidmat wajib
79. Tempoh perkhidmatan
80. Kuasa Menteri
81. Fi ditetapkan
82. Kod Tatalaku Profesional
83. Garis panduan dan arahan
84. Penyata, laporan dan maklumat
85. Maklumat yang dikehendaki
86. Pengamal pergigian yang diberi kuasa disifatkan sebagai pegawai pergigian Kerajaan
87. Liabiliti Kerajaan bagi kesalahan tort
88. Pengamal undang-undang

Seksyen

89. Pengkompaunan kesalahan
90. Perwakilan fungsi dan kuasa
91. Kuasa untuk meminda Jadual
92. Peraturan-peraturan

BAHAGIAN IX

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

93. Pemansuhan dan pembubaran
94. Pemindahan kuasa, dsb.
95. Kontrak sedia ada
96. Keanggotaan Majlis dibubarkan
97. Kecualian bagi perakuan pengamalan
98. Kecualian bagi daftar
99. Penerusan permohonan, dsb., yang belum diputuskan
100. Penerusan prosiding sivil dan jenayah
101. Latihan
102. Sekolah pergigian
103. Sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai Majlis dibubarkan
104. Sebutan mengenai Akta dimansuhkan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 804

AKTA PERGIGIAN 2018

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Pergigian Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia, untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian, untuk mengawal selia amalan pergigian dan bagi perkara-perkara berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pergigian 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“alamat pengamalan” ertinya alamat atau alamat-alamat yang terdapat pada perakuan pengamalan;

“alamat pengamalan utama” ertinya alamat tempat pengamalan utama, yang hendaklah menjadi alamat pengamalan yang pertama yang terdapat pada perakuan pengamalan tahunan atau perakuan pengamalan sementara;

“bermastautin” ertinya menjalankan amalan di lokasi tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam alamat pengamalan utama pengamal;

“Daftar Bersyarat” ertinya Daftar Pendaftaran Bersyarat Malaysia yang disimpan dan disenggara di bawah subseksyen 25(2);

“Daftar Juruterapi Pergigian” ertinya Daftar Juruterapi Pergigian Malaysia yang disimpan dan disenggara di bawah subseksyen 25(3);

“Daftar Pergigian” ertinya Daftar Pengamal Pergigian Malaysia yang disimpan dan disenggara di bawah subseksyen 25(1);

“dentis” ertinya seseorang yang berdaftar dalam Bahagian II Daftar Pergigian di bawah Akta Pergigian 1971 [*Akta 51*];

“ditetapkan”, jika tiada cara disebutkan, ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“dokter pergigian” ertinya—

- (a) seorang doktor pergigian yang berdaftar dalam Bahagian I Daftar Pergigian di bawah Akta Pergigian 1971; atau
- (b) seseorang yang berdaftar sebagai doktor pergigian di bawah seksyen 31 dan bagi maksud Bahagian IV, Bahagian V dan Bahagian VI termasuklah mana-mana orang yang disifatkan berdaftar sebagai doktor pergigian di bawah subseksyen 40(6);

“institusi latihan tempatan” ertinya suatu institusi pengajian tinggi yang memberikan ijazah pergigian dan menjalankan semua atau sebahagian daripada latihannya dalam Malaysia;

“institusi latihan tempatan yang diakreditasi” ertinya institusi latihan tempatan yang menjalankan program pergigian yang telah diberikan status akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [*Akta 679*];

“kelayakan yang diiktiraf” ertinya kelayakan yang tersenarai dalam Jadual Kedua;

“kemudahan jagaan kesihatan” ertinya mana-mana premis yang dalamnya orang awam menerima perkhidmatan jagaan kesihatan;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia;

“Ketua Profesion” ertinya Ketua Profesion Juruterapi Pergigian di Kementerian Kesihatan;

“Lembaga” ertinya Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 15;

“Majlis” ertinya Majlis Pergigian Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan;

“Panel Kelayakan Mengamal” ertinya Panel yang ditubuhkan di bawah seksyen 33;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Kementerian Kesihatan yang mempunyai kelayakan yang sesuai yang diberi kuasa di bawah seksyen 70;

“Pendaftar Juruterapi Pergigian” ertinya Pendaftar Juruterapi Pergigian yang disebut dalam subseksyen 24(3);

“Pendaftar Pergigian” ertinya Pendaftar Pergigian yang disebut dalam subseksyen 24(2);

“pengamal” ertinya mana-mana pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang berdaftar di bawah Akta ini;

“pengamal pergigian” ertinya—

(a) seorang doktor pergigian; atau

(b) seorang dentis;

“Pengarah Kanan” ertinya ketua perkhidmatan Kesihatan Pergigian di Kementerian Kesihatan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia yang disebut dalam seksyen 18;

“perakuan” ertinya perakuan pendaftaran, perakuan pengamalan tahunan atau perakuan pengamalan sementara;

“perakuan pengamalan” ertinya perakuan pengamalan tahunan atau perakuan pengamalan sementara;

“Perlindungan Tanggung Rugi Profesional” ertinya apa-apa bentuk jaminan kewangan bagi seseorang pengamal dalam tindakan liabiliti profesional;

“premis” ertinya mana-mana tempat, bangunan atau kenderaan, sama ada kekal atau sementara;

“tarikh ditetapkan” ertinya tarikh Akta ini mula berkuat kuasa;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Pergigian Malaysia.

BAHAGIAN II

MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

Penubuhan Majlis

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dinamakan Majlis Pergigian Malaysia ditubuhkan.

(2) Majlis hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Majlis boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Majlis boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut, membuat kontrak.

Fungsi Majlis

4. Majlis hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk mengiktiraf kelayakan bagi pendaftaran pengamal di bawah Akta ini;
- (b) untuk meluluskan kelayakan lepas ijazah untuk mendaftar sebagai pakar pergigian;
- (c) untuk mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada pengamal pergigian;
- (d) untuk mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada pakar pergigian;
- (e) untuk menentukan kriteria bagi pendaftaran pakar pergigian;
- (f) untuk mengawal selia peperiksaan bagi pendaftaran doktor pergigian;
- (g) untuk mengawal selia tempoh perkhidmatan wajib pengamal pergigian;
- (h) untuk mengawal selia standard amalan pengamal pergigian;
- (i) untuk mengawal selia etika dan tatalaku profesional pengamal pergigian;
- (j) untuk mengawal selia skop amalan pengamal; dan
- (k) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan di bawah Akta ini.

Kuasa Majlis

5. (1) Majlis boleh melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi, atau berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

- (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Majlis boleh—
- (a) meluluskan atau menolak permohonan bagi pendaftaran pengamal pergigian dan pakar pergigian di bawah Akta ini atau meluluskan apa-apa permohonan tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan;
 - (b) mengenakan fi atau apa-apa caj lain sebagaimana yang difikirkannya patut yang ditetapkan dalam Jadual Keempat dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya;
 - (c) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota Majlis dan jawatankuasa;
 - (d) mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majlis atas apa-apa terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis bagi menjalankan maksud Akta ini;
 - (e) membayar saraan, elaun dan faedah lain kepada pekerja; dan
 - (f) melantik mana-mana pengamal untuk mewakili Majlis dalam apa-apa jawatankuasa, panel atau institusi yang orang itu kemudiannya membuat syor kepada Majlis mengenai semua perkara yang berhubungan dengan kelayakan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion.

Keanggotaan Majlis

6. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
- (a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Yang Dipertua;
 - (b) Pengarah Kanan yang hendaklah menjadi Pendaftar Pergigian;
 - (c) enam orang doktor pergigian daripada kalangan kakitangan akademik fakulti pergigian institusi latihan tempatan yang diakreditasikan yang dilantik oleh Menteri, tiga daripadanya hendaklah daripada sektor awam dan tiga daripadanya hendaklah daripada sektor swasta;

- (d) enam orang doktor pergigian yang dinamakan oleh Yang Dipertua dan dilantik oleh Menteri, tiga daripadanya hendaklah daripada sektor awam dan tiga daripadanya hendaklah daripada sektor swasta;
- (e) empat orang doktor pergigian daripada sektor awam, yang bermastautin di Semenanjung Malaysia, yang dipilih oleh doktor pergigian yang bermastautin di Semenanjung Malaysia;
- (f) empat orang doktor pergigian daripada sektor swasta, yang bermastautin di Semenanjung Malaysia, yang dipilih oleh doktor pergigian yang bermastautin di Semenanjung Malaysia;
- (g) seorang doktor pergigian yang bermastautin di Sabah yang dipilih oleh doktor pergigian yang bermastautin di Sabah;
- (h) seorang doktor pergigian yang bermastautin di Sarawak yang dipilih oleh doktor pergigian yang bermastautin di Sarawak; dan
- (i) dua orang juruterapi pergigian yang merupakan anggota Lembaga yang dinamakan oleh Lembaga dan dilantik oleh Menteri.

(2) Seseorang doktor pergigian tidak boleh dilantik sebagai anggota Majlis di bawah perenggan (1)(c) atau (d) atau dipilih untuk menjadi seorang anggota Majlis di bawah perenggan (1)(e) hingga (h) melainkan jika—

- (a) dia adalah warganegara Malaysia;
- (b) dia bermastautin di Malaysia;
- (c) dia memegang perakuan pengamalan tahunan yang sah; dan
- (d) dia telah berdaftar dengan Majlis dan menjalankan amalan di Malaysia tidak kurang daripada tujuh tahun.

(3) Seseorang doktor pergigian tidak layak untuk menamakan seorang anggota Majlis di bawah perenggan (1)(e) hingga (h) melainkan jika—

(a) dia adalah warganegara Malaysia; dan

(b) dia memegang perakuan pengamalan tahunan yang sah.

(4) Penamaan dan pemilihan anggota Majlis yang disebut dalam perenggan (1)(e) hingga (h) hendaklah dijalankan dalam cara yang ditetapkan.

(5) Seseorang doktor pergigian tidak boleh pada masa yang sama berkhidmat sebagai anggota Majlis dalam lebih daripada satu jawatan.

(6) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi anggota Majlis.

Kuasa Menteri untuk melantik anggota Majlis

7. (1) Bagi maksud perenggan 6(1)(e) hingga (h), Menteri boleh melantik mana-mana doktor pergigian yang layak untuk dinamakan atau dipilih menjadi anggota Majlis jika doktor pergigian tidak menamakan anggota Majlis pada tarikh yang dinyatakan dalam notis dan permintaan bagi penamaan.

(2) Mana-mana doktor pergigian yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai seorang anggota seolah-olah dia telah dinamakan atau dipilih dengan sewajarnya.

Kehilangan kelayakan daripada pelantikan, penamaan atau pemilihan

8. (1) Seseorang doktor pergigian tidak layak untuk dilantik, dinamakan atau dipilih sebagai anggota Majlis di bawah perenggan 6(1)(c) hingga (h) jika—

(a) dia telah didapati bersalah oleh mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau apa-apa kesalahan lain yang

boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda;

- (b) dia seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) namanya pada bila-bila masa telah dipotong daripada Daftar Pergigian; atau
- (d) namanya telah dipotong daripada mana-mana daftar pengamal pergigian atau yang setara yang disenggara di mana-mana tempat di luar Malaysia akibat daripada apa-apa salah laku atau prosiding tatatertib.

(2) Mana-mana doktor pergigian yang namanya telah digantung daripada Daftar Pergigian tidak layak untuk dilantik, dinamakan atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan 6(1)(c) hingga (h) bagi tempoh enam tahun selepas tamat tempoh penggantungan itu.

(3) Mana-mana doktor pergigian yang telah dicela di bawah perenggan 58(1)(c), tidak layak untuk dilantik, dinamakan atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan 6(1)(c) hingga (h) bagi tempoh tiga tahun dari tarikh pencelaan itu.

(4) Seorang anggota yang telah dilantik atau dipilih di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah mengosongkan kerusinya sebagai anggota Majlis jika—

- (a) dia bukan lagi seorang warganegara Malaysia;
- (b) dia tidak lagi bermastautin di Malaysia;
- (c) dia tidak lagi memegang perakuan pengamalan tahunan yang sah;
- (d) dia seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (e) dia tidak lagi layak di bawah subseksyen 6(1);
- (f) dia, tertakluk kepada tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) dan (3), telah dihukum oleh Majlis di bawah seksyen 58;

- (g) namanya telah dipotong daripada mana-mana daftar pengamal pergigian yang disenggara di mana-mana tempat di luar Malaysia akibat daripada apa-apa salah laku atau prosiding tatatertib; atau
- (h) dia telah didapati bersalah oleh mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda.

Pembatalan dan peletakan jawatan anggota Majlis

9. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa selepas berunding dengan Yang Dipertua, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(c), (d) atau (i).

(2) Anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(c), (d) atau (i) atau yang dipilih di bawah perenggan 6(1)(e) hingga (h) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui notis secara bertulis kepada Yang Dipertua.

Penjalanan sementara fungsi Yang Dipertua

10. (1) Pendaftar Pergigian hendaklah bertindak sebagai Yang Dipertua dalam tempoh apabila—

- (a) jawatan Yang Dipertua kosong;
- (b) Yang Dipertua tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Yang Dipertua, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat menjalankan fungsinya.

(2) Pendaftar Pergigian hendaklah, semasa tempoh dia menjalankan fungsi Yang Dipertua di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Yang Dipertua.

Setiausaha Majlis

11. (1) Ketua Pengarah hendaklah melantik seorang pegawai pergigian Kementerian Kesihatan untuk menjadi Setiausaha Majlis.

(2) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab bagi yang berikut:

(a) pengurusan hal ehwal hari ke hari Majlis;

(b) pelaksanaan keputusan Majlis; dan

(c) penjalanan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

(3) Setiausaha hendaklah, dalam menjalankan tanggungjawabnya, bertindak di bawah kuasa dan arahan Majlis.

(4) Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai Kementerian Kesihatan untuk membantu Setiausaha dalam menjalankan fungsinya.

Jawatankuasa Majlis

12. (1) Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Majlis untuk membantu Majlis dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya.

(2) Suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1)—

(a) hendaklah dipengerusikan oleh seorang doktor pergigian yang dilantik oleh Majlis;

(b) hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa oleh Majlis; dan

(c) hendaklah menepati mana-mana tatacara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Majlis boleh melantik mana-mana orang sebagai anggota bagi mana-mana jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberi notis secara bertulis kepada Yang Dipertua.

(7) Majlis boleh, pada bila-bila masa, mengubah keanggotaan atau membubarkan suatu jawatankuasa.

Elaun bagi anggota Majlis, dsb.

13. Anggota Majlis dan jawatankuasa dan mana-mana orang lain yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis dan jawatankuasa hendaklah dibayar elaun atau perbelanjaan yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

Pelantikan pekerja Majlis

14. (1) Majlis boleh melantik atau menggaji apa-apa bilangan pekerja atas terma dan syarat yang difikirkannya sesuai oleh Majlis untuk menjalankan maksud Akta ini.

(2) Pekerja yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibayar saraan, elaun dan faedah dan pelantikannya hendaklah atas terma yang difikirkan patut oleh Majlis.

(3) Seseorang tidak layak untuk digaji sebagai pekerja Majlis jika, secara langsung atau tidak langsung, dia sendiri atau rakan kongsinya, mempunyai apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak atau cadangan kontrak dengan, bagi atau bagi pihak Majlis.

BAHAGIAN III

LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA

Penubuhan Lembaga

15. (1) Suatu lembaga yang dinamakan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia ditubuhkan.

(2) Lembaga hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

Fungsi Lembaga

16. Lembaga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada juruterapi pergigian;
- (b) untuk mendaftar dan mengeluarkan perakuan kepada juruterapi pergigian pascaasas;
- (c) untuk mengawal selia apa-apa peperiksaan bagi pendaftaran juruterapi pergigian;
- (d) untuk mengawal selia standard amalan juruterapi pergigian;
- (e) untuk mengawal selia etika dan tatalaku profesional juruterapi pergigian; dan
- (f) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan di bawah Akta ini.

Kuasa Lembaga

17. (1) Lembaga boleh melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi, atau berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh—

- (a) meluluskan atau menolak permohonan bagi pendaftaran juruterapi pergigian dan juruterapi pergigian pascaasas di bawah Akta ini atau meluluskan apa-apa permohonan

tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan; dan

- (b) melantik mana-mana pengamal untuk mewakili Lembaga dalam apa-apa jawatankuasa, panel atau institusi yang orang itu kemudiannya membuat syor kepada Lembaga mengenai semua perkara yang berhubungan dengan kelayakan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion.

Keanggotaan Lembaga

18. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengarah Kanan yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Ketua Profesion Juruterapi Pergigian yang hendaklah menjadi Pendaftar Juruterapi Pergigian;
- (c) seorang anggota Majlis yang dinamakan oleh Yang Dipertua;
- (d) seorang juruterapi pergigian yang diambil berkerja sebagai tutor di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang, yang dinamakan oleh Pengarah Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang;
- (e) dua orang juruterapi pergigian daripada kalangan kakitangan akademik mana-mana institusi latihan tempatan yang memberikan kelayakan yang boleh didaftarkan bagi latihan juruterapi pergigian, yang dinamakan oleh Yang Dipertua;
- (f) seorang juruterapi pergigian, yang diambil berkerja dalam angkatan tentera, yang dinamakan oleh Pengarah Perkhidmatan Pergigian, Angkatan Tentera Malaysia;
- (g) lima orang juruterapi pergigian yang bermastautin di Semenanjung Malaysia, yang dinamakan oleh Pengerusi;
- (h) dua orang juruterapi pergigian yang bermastautin di Sabah, yang dinamakan oleh Pengerusi; dan

(i) dua orang juruterapi pergigian yang bermastautin di Sarawak, yang dinamakan oleh Pengerusi.

(2) Anggota Lembaga di bawah perenggan (1)(c) hingga (i) hendaklah dilantik oleh Menteri.

(3) Seseorang juruterapi pergigian tidak boleh dilantik sebagai anggota Lembaga melainkan jika—

(a) dia ialah warganegara Malaysia;

(b) dia bermastautin di Malaysia; dan

(c) dia memegang perakuan pengamalan tahunan yang sah.

(4) Seseorang juruterapi pergigian tidak boleh pada masa yang sama berkhidmat sebagai anggota Lembaga dalam lebih daripada satu jawatan.

(5) Pengerusi boleh mewakilkan mana-mana fungsinya kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian yang, semasa menjalankan fungsi itu, hendaklah tertakluk kepada pengawalan, penyeliaan dan arahan Pengerusi.

(6) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi anggota Lembaga.

Kehilangan kelayakan daripada penamaan dan pelantikan

19. (1) Seseorang juruterapi pergigian tidak layak untuk dinamakan atau dilantik sebagai anggota Lembaga di bawah perenggan 18(1)(d) hingga (i) jika—

(a) dia telah didapati bersalah oleh mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau atas apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda;

(b) dia seorang bankrap yang belum dilepaskan;

(c) namanya pada bila-bila masa telah dipotong daripada Daftar Juruterapi Pergigian; atau

(d) namanya telah dipotong daripada mana-mana daftar juruterapi pergigian atau yang setara yang disenggara di mana-mana tempat di luar Malaysia akibat daripada apa-apa salah laku atau prosiding tatatertib.

(2) Mana-mana juruterapi pergigian yang namanya telah digantung daripada Daftar Juruterapi Pergigian tidak layak untuk dilantik atau dinamakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan 18(1)(d) hingga (i) bagi tempoh enam tahun selepas tamat tempoh penggantungan itu.

(3) Mana-mana juruterapi pergigian yang telah dicela di bawah perenggan 58(1)(c), tidak layak untuk dilantik atau dinamakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan 18(1)(d) hingga (i) bagi tempoh tiga tahun dari tarikh pencelaan itu.

(4) Jika seseorang anggota yang telah dilantik atau dipilih di bawah Akta ini hilang kelayakan oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, dia hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan kerusinya.

Pembatalan dan peletakan jawatan anggota Lembaga

20. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa selepas berunding dengan Pengerusi, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 18(1)(d) hingga (i).

(2) Anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 18(1)(c) hingga (i) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui notis secara bertulis kepada Pengerusi.

Setiausaha Lembaga

21. (1) Ketua Pengarah hendaklah melantik seorang pegawai Kementerian Kesihatan untuk menjadi Setiausaha Lembaga.

(2) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab bagi yang berikut:

(a) pengurusan hal ehwal hari ke hari Lembaga;

(b) pelaksanaan keputusan Lembaga; dan

(c) penjalanan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

(3) Setiausaha hendaklah, dalam menjalankan tanggungjawabnya, bertindak di bawah kuasa dan arahan Lembaga.

(4) Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai Kementerian Kesihatan untuk membantu Setiausaha dalam menjalankan fungsinya.

Jawatankuasa Lembaga

22. Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya.

Elaun bagi anggota Lembaga, dsb.

23. Anggota Lembaga dan jawatankuasa dan mana-mana orang lain yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dibayar elaun atau perbelanjaan yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN PENGAMAL

Bab 1

Daftar

Pendaftar

24. (1) Bagi maksud Akta ini, hendaklah ada—

(a) seorang Pendaftar Pergigian; dan

(b) seorang Pendaftar Juruterapi Pergigian.

(2) Pengarah Kanan hendaklah menjadi Pendaftar Pergigian, yang hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) pengeluaran perakuan kepada pengamal pergigian; dan

(b) penyenggaraan Daftar Pergigian, Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Pergigian dan Daftar Bersyarat.

(3) Ketua Profesion Juruterapi Pergigian hendaklah menjadi Pendaftar Juruterapi Pergigian, yang hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) pengeluaran perakuan kepada juruterapi pergigian; dan
- (b) penyenggaraan Daftar Juruterapi Pergigian dan Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Juruterapi Pergigian.

(4) Daftar Pergigian, Daftar Juruterapi Pergigian, Daftar Bersyarat, Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Pergigian dan Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Juruterapi Pergigian hendaklah disenggara dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik sebagaimana yang ditetapkan.

Daftar

25. (1) Daftar Pergigian hendaklah terdiri daripada bahagian yang berikut:

- (a) Bahagian I, yang hendaklah berkenaan dengan orang yang didaftarkan sebagai doktor pergigian;
- (b) Bahagian II, yang hendaklah berkenaan dengan orang yang didaftarkan sebagai dentis; dan
- (c) Bahagian Pakar, yang hendaklah berkenaan dengan orang yang didaftarkan sebagai pakar pergigian.

(2) Daftar Bersyarat hendaklah terdiri daripada nama dan butir-butir lain seseorang yang didaftarkan di bawah seksyen 36.

(3) Daftar Juruterapi Pergigian hendaklah terdiri daripada bahagian yang berikut:

- (a) Bahagian A, yang hendaklah berkenaan dengan orang yang didaftarkan sebagai juruterapi pergigian; dan
- (b) Bahagian B, yang hendaklah berkenaan dengan orang yang didaftarkan sebagai juruterapi pergigian pascaasas.

(4) Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Pergigian dan Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Juruterapi Pergigian hendaklah terdiri daripada nama dan butir-butir lain seseorang yang didaftarkan di bawah seksyen 40.

(5) Mana-mana orang boleh, apabila membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat, memperoleh cabutan suatu entri dalam Daftar Pergigian, Daftar Bersyarat, Daftar Juruterapi Pergigian, Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Pergigian dan Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Juruterapi Pergigian.

(6) Daftar Pergigian dan Daftar Juruterapi Pergigian yang disenggara di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai suatu dokumen awam dalam pengertian Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

Perubahan dalam Daftar

26. (1) Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian boleh memasukkan dan mengaku saksi dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) apa-apa perubahan yang mungkin diketahui olehnya mengenai nama atau alamat mana-mana pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang didaftarkan di bawah Akta ini; dan
- (b) apa-apa perubahan kelayakan, kelayakan tambahan dan butir-butir lain yang dikehendaki untuk diubah di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Akta ini yang memperoleh apa-apa kelayakan pergigian selain kelayakan yang dengannya dia didaftarkan boleh memohon kepada Majlis atau Lembaga untuk mengubah Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian setakat yang berkaitan dengan kelayakannya.

(3) Majlis atau Lembaga hendaklah memutuskan ijazah atau kelayakan tambahan yang lain yang hendaklah diterima untuk dimasukkan dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian.

Pemotongan nama daripada Daftar

27. (1) Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah memotong daripada Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, nama dan butir-butir lain seseorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian—

- (a) yang telah meninggal dunia;

- (b) yang tidak lagi menjalankan amalan pergigian;
- (c) yang telah, selepas penyiasaan sewajarnya oleh Panel Kelayakan Mengamal, didapati tidak layak untuk melaksanakan tugas profesionalnya, oleh sebab kelemahan mental atau fizikalnya, atau didapati tidak kompeten untuk menjalankan tugas profesionalnya sebagai pengamal pergigian atau juruterapi pergigian; atau
- (d) yang telah, selepas penyiasaan sewajarnya oleh Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, didapati telah didaftarkan atas kesilapan mengenai kelulusannya bagi pendaftaran, dan tidak pada masa pendaftarannya berhak untuk didaftarkan.

(2) Pendaftar Pergigian hendaklah memberitahu pengamal pergigian, atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah memberitahu juruterapi pergigian, mengenai pemotongan namanya di bawah perenggan (1)(b), (c) atau (d).

(3) Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah menyiarkan dalam *Warta* nama tiap-tiap pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang pendaftarannya telah dipotong di bawah perenggan (1)(b), (c) atau (d).

Kemasukan semula nama ke dalam Daftar

28. (1) Apabila pendaftaran seorang pengamal telah dipotong di bawah perenggan 27(1)(b), (c) atau (d), pengamal itu boleh memohon kepada Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya namanya dimasukkan semula dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, atas budi bicaranya, apabila permohonan dibuat kepadanya, memerintahkan supaya nama pemohon dimasukkan semula dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang boleh dikenakan olehnya, atau boleh menolak permohonan kemasukan semula nama itu.

(3) Mana-mana pengamal yang namanya telah dipotong daripada Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian menurut perenggan 27(1)(c) tidak boleh didaftarkan lagi melainkan jika dia telah diperakui oleh Panel Kelayakan Mengamal bahawa keadaan mental atau fizikalnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, membenarkan dia didaftarkan semula.

Bab 2

Pendaftaran

Kelayakan bagi pendaftaran sebagai doktor pergigian

29. (1) Seseorang warganegara Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar Pergigian untuk didaftarkan sebagai doktor pergigian jika—

- (a) dia memegang kelayakan yang diberikan oleh institusi latihan tempatan yang diakreditasi;
- (b) dia telah diperakui oleh Jawatankuasa Kelayakan Pergigian sebagai telah memenuhi kehendak Peperiksaan Kelayakan Profesional; dan
- (c) dia membuktikan sehingga Pendaftar Pergigian berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(a), seseorang warganegara Malaysia yang tidak memegang suatu kelayakan yang diberikan oleh institusi latihan tempatan yang diakreditasi boleh memohon kepada Pendaftar Pergigian untuk didaftarkan sebagai doktor pergigian jika—

- (a) dia telah menghadiri latihan pergigian di institusi latihan yang standard latihan pergigian dan peperiksaan di institusi latihan itu mencapai standard yang dinyatakan oleh Majlis;
- (b) dia membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik; dan

- (c) dia, setelah memenuhi kehendak di bawah perenggan (a) dan (b), lulus Peperiksaan Kelayakan Profesional yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kelayakan Pergigian.

(3) Majlis boleh memerintahkan pemohon dalam subseksyen (2) untuk menjalani latihan lanjutan sebelum membenarkan pemohon itu menduduki Peperiksaan Kelayakan Profesional.

(4) Bagi maksud seksyen ini, Jawatankuasa Kelayakan Pergigian ditubuhkan—

- (a) untuk menentukan standard dan penilaian Peperiksaan Kelayakan Profesional bagi doktor pergigian;
- (b) untuk menjalankan Peperiksaan Kelayakan Profesional bagi doktor pergigian atau melantik mana-mana agensi lain untuk menjalankan Peperiksaan Kelayakan Profesional;
- (c) untuk memperakui mana-mana orang yang telah memenuhi kehendak Peperiksaan Kelayakan Profesional; dan
- (d) untuk menjalankan apa-apa peperiksaan bagi pendaftaran pakar pergigian.

Kelayakan bagi pendaftaran sebagai juruterapi pergigian

30. Seseorang warganegara Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian untuk didaftarkan sebagai juruterapi pergigian jika—

- (a) dia memegang apa-apa kelayakan yang diiktiraf yang tersenarai dalam Jadual Kedua, yang diberikan oleh suatu institusi yang dinyatakan berhubung dengan kelayakan itu; dan
- (b) dia membuktikan sehingga Pendaftar Juruterapi Pergigian berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik.

Pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian

31. (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran—

- (a) sebagai doktor pergigian, hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pergigian; dan

(b) sebagai juruterapi pergigian, hendaklah dibuat kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan berserta dengan dokumen, maklumat dan butir-butir yang ditentukan oleh Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

(3) Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah mempertimbangkan permohonan di bawah subseksyen (1), dan boleh menghendaki pemohon supaya mengemukakan maklumat atau dokumen lanjut untuk menyokong permohonan itu.

(4) Jika Pendaftar Pergigian meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1) berhubung dengan seorang doktor pergigian, Pendaftar Pergigian hendaklah mengeluarkan perakuan pendaftaran kepada pemohon dan mencatat namanya dalam Bahagian I Daftar Pergigian.

(5) Jika Pendaftar Juruterapi Pergigian meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1) berhubung dengan seorang juruterapi pergigian, Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah mengeluarkan perakuan pendaftaran kepada pemohon dan mencatat namanya dalam Bahagian A Daftar Juruterapi Pergigian.

(6) Jika Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian menolak permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberitahu pemohon mengenai keputusannya melalui suatu notis secara bertulis.

(7) Mana-mana pemohon yang terkilan dengan keputusan Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian di bawah subseksyen (6) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis dalam subseksyen (6), merayu secara bertulis kepada Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hadir di hadapan Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan didengar sendiri atau melalui peguam bela dan peguam caranya.

Sekatan ke atas pendaftaran

32. (1) Majlis atau Lembaga boleh mengarahkan Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk tidak mencatat nama mana-mana orang yang memohon bagi pendaftaran sebagai doktor pergigian atau juruterapi pergigian dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian jika—

- (a) dia telah, pada bila-bila masa, didapati bersalah atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda;
- (b) dia telah, selepas penyiasatan yang sewajarnya, didapati bersalah oleh Majlis atau Lembaga kerana berkelakuan buruk dari apa-apa segi profesional atau selainnya tidak mempunyai nama dan kelakuan baik;
- (c) dia telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) namanya telah dipotong daripada daftar pengamal pergigian atau daftar juruterapi pergigian, atau daripada daftar mana-mana maktab pergigian atau badan pelesenan yang disenggara di mana-mana tempat di luar Malaysia, akibat daripada apa-apa salah laku atau prosiding tatatertib; atau
- (e) dia telah, selepas penyiasatan yang sewajarnya oleh Panel Kelayakan Mengamal, didapati tidak berupaya oleh sebab kelemahan fizikal atau mental, atau didapati tidak kompeten untuk melaksanakan tugas profesionalnya.

(2) Jika Majlis atau Lembaga menolak untuk mencatat nama seseorang dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian, Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberitahu orang itu secepat yang dapat dilaksanakan mengenai penolakan itu.

(3) Selepas apa-apa penyiasatan di bawah perenggan (1)(e), pemohon berhak untuk hadir di hadapan Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan didengar sendiri atau melalui peguam bela dan peguam caranya.

Panel Kelayakan Mengamal

33. (1) Majlis atau Lembaga boleh menubuhkan Panel Kelayakan Mengamal secara *ad hoc* untuk menilai keadaan perubatan pengamal pergigian atau juruterapi pergigian.

(2) Panel Kelayakan Mengamal hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) dua orang pengamal perubatan, seorang daripadanya hendaklah seorang pakar; dan
- (b) seorang doktor pergigian, yang hendaklah menjadi pengerusi.

(3) Sebagai tambahan kepada anggota yang dinyatakan dalam subseksyen (2), Majlis atau Lembaga hendaklah melantik seorang juruterapi pergigian sebagai anggota Panel Kelayakan Mengamal dalam hal Panel Kelayakan Mengamal dikehendaki untuk menilai keadaan perubatan seorang juruterapi pergigian.

(4) Panel Kelayakan Mengamal—

- (a) hendaklah, melalui suatu notis bertulis, menghendaki pengamal pergigian atau juruterapi pergigian untuk mengemukakan laporan perubatan daripada hospital Kerajaan dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh dua bulan dari tarikh notis itu; dan
- (b) boleh, melalui suatu notis bertulis, menghendaki pengamal pergigian atau juruterapi pergigian untuk hadir di hadapan Panel Kelayakan Mengamal pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam notis.

(5) Panel Kelayakan Mengamal hendaklah melaporkan dapatannya dan membuat suatu syor kepada Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh empat bulan dari tarikh pelantikan Panel Kelayakan Mengamal itu.

Pendaftaran sebagai pakar pergigian

34. (1) Seorang pengamal yang namanya tidak terdapat dalam Bahagian Pakar Daftar Pergigian tidak boleh mengamal sebagai pakar pergigian dalam kepakaran itu.

(2) Seseorang doktor pergigian boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pakar pergigian jika—

- (a) dia telah didaftarkan dalam Bahagian I Daftar Pergigian;
- (b) dia memegang apa-apa kelayakan pakar lepas ijazah sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis;
- (c) dia memenuhi kehendak dan telah disyorkan sebagai pakar oleh Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian; dan
- (d) dia membuktikan sehingga Pendaftar Pergigian berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik.

(3) Suatu permohonan bagi pendaftaran sebagai pakar pergigian hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pergigian dalam borang yang ditetapkan berserta dengan dokumen, maklumat dan butir-butir yang ditentukan oleh Majlis dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

(4) Apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (3), Pendaftar Pergigian hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian bagi penilaian dan syor.

(5) Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian hendaklah mempertimbangkan permohonan di bawah subseksyen (3) dan boleh menghendaki pemohon supaya mengemukakan maklumat atau dokumen lanjut untuk menyokong permohonan itu.

(6) Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian hendaklah mengesyorkan kepada Pendaftar Pergigian sama ada permohonan itu boleh diluluskan atau ditolak.

(7) Jika Pendaftar Pergigian meluluskan permohonan di bawah subseksyen (3), Pendaftar Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran sebagai pakar pergigian kepada pemohon dan mencatat namanya dalam Bahagian Pakar Daftar Pergigian.

(8) Jika Pendaftar Pergigian menolak permohonan di bawah subseksyen (3), Pendaftar Pergigian hendaklah memberitahu pemohon mengenai keputusannya melalui suatu notis secara bertulis.

(9) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar Pergigian di bawah subseksyen (8) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis dalam subseksyen (8), merayu secara bertulis kepada Majlis dan hadir di hadapan Majlis dan didengar sendiri atau melalui peguam bela dan peguam caranya.

(10) Mana-mana pengamal pergigian yang layak untuk didaftarkan dalam Bahagian Pakar Daftar Pergigian dan telah didaftarkan dengan Daftar Pakar Kebangsaan hendaklah dikecualikan daripada fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas

35. (1) Seseorang juruterapi pergigian boleh memohon untuk didaftarkan sebagai juruterapi pergigian pascaasas jika—

- (a) dia telah didaftarkan di dalam Bahagian A Daftar Juruterapi Pergigian;
- (b) dia memegang apa-apa kelayakan yang boleh didaftarkan yang tersenarai dalam Jadual Ketiga, yang diberikan oleh suatu institusi yang dinyatakan berhubung dengan kelayakan itu; dan
- (c) dia telah membuktikan sehingga Pendaftar Juruterapi Pergigian berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik.

(2) Suatu permohonan bagi pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas hendaklah dibuat kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian dalam borang yang ditetapkan berserta dengan dokumen, maklumat dan butir-butir yang ditentukan oleh Lembaga dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

(3) Jika Pendaftar Juruterapi Pergigian meluluskan permohonan di bawah subseksyen (2), Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas kepada pemohon dan mencatat namanya dalam Bahagian B Daftar Juruterapi Pergigian.

(4) Jika Pendaftar Juruterapi Pergigian menolak permohonan di bawah subseksyen (2), Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah memberitahu pemohon mengenai keputusannya melalui suatu notis secara bertulis.

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar Juruterapi Pergigian di bawah subseksyen (4) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis dalam subseksyen (4), merayu secara bertulis kepada Lembaga dan hadir di hadapan Lembaga dan didengar sendiri atau melalui peguam bela dan peguam caranya.

Pendaftaran bersyarat

36. (1) Mana-mana orang boleh memohon bagi pendaftaran bersyarat jika pendaftaran bersyarat itu dikehendaki untuk memenuhi syarat bagi pendaftaran atau pekerjaan di luar Malaysia jika—

- (a) dia memegang suatu kelayakan yang diberikan oleh institusi latihan tempatan yang diakreditasikan;
- (b) dia telah diperakui sebagai telah memenuhi kehendak Peperiksaan Kelayakan Profesional; dan
- (c) dia telah membuktikan sehingga Pendaftar Pergigian berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik.

(2) Suatu permohonan bagi pendaftaran bersyarat hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pergigian dalam borang yang ditetapkan berserta dengan dokumen, maklumat dan butir-butir yang ditentukan oleh Majlis dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

(3) Jika Pendaftar Pergigian meluluskan permohonan di bawah subseksyen (2), Pendaftar Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran bersyarat kepada pemohon.

(4) Jika Pendaftar Pergigian menolak permohonan di bawah subseksyen (2), Pendaftar Pergigian hendaklah memberitahu pemohon mengenai keputusannya melalui suatu notis secara bertulis.

(5) Mana-mana pemohon yang terkilang dengan keputusan Pendaftar Pergigian di bawah subseksyen (4) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis dalam subseksyen (4), merayu secara bertulis kepada Majlis.

(6) Seseorang yang memegang perakuan pendaftaran bersyarat tidak boleh menjalankan amalan pergigian di Malaysia dan tidak layak diberikan perakuan pengamalan.

Bab 3

Perakuan Pengamalan

Perakuan pengamalan

37. (1) Mana-mana orang yang menjalankan amalan pergigian hendaklah mempunyai perakuan pengamalan yang sah.

(2) Suatu perakuan pengamalan hendaklah menyatakan alamat pengamalan utama dan semua tempat pengamalan lain pengamal.

(3) Suatu permohonan bagi perakuan pengamalan—

(a) sebagai pengamal pergigian, hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pergigian; dan

(b) sebagai juruterapi pergigian, hendaklah dibuat kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian.

(4) Permohonan di bawah subseksyen (3) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan—

(a) keterangan mengenai mata pembangunan profesional berterusan yang mencukupi yang diperolehi sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) keterangan mengenai Perlindungan Tanggung Rugi Profesional sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis atau Lembaga;

- (c) keterangan mengenai kelulusan atau pendaftaran di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] bagi tiap-tiap kemudahan jagaan kesihatan swasta untuk dicatat dalam perakuan pengamalan;
- (d) fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat; dan
- (e) apa-apa dokumen atau keterangan lain, yang dikehendaki oleh Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Jika Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian meluluskan permohonan di bawah subseksyen (3), Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamalan kepada pemohon yang membenarkan pemohon untuk menjalankan amalan sebagai seorang pengamal pergigian atau seorang juruterapi pergigian bagi tempoh dan di kemudahan jagaan kesihatan yang dinyatakan pada perakuan pengamalan itu.

(6) Jika Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian menolak permohonan di bawah subseksyen (3), Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah memberitahu pemohon mengenai keputusannya melalui suatu notis secara bertulis.

(7) Mana-mana pemohon yang terkilang dengan keputusan Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian di bawah subseksyen (6) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis dalam subseksyen (6), merayu secara bertulis kepada Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(8) Seseorang yang telah didaftarkan dalam masa dua tahun dari permohonan bagi suatu perakuan pengamalan hendaklah dikecualikan daripada menunjukkan keterangan bagi mata pembangunan profesional berterusan yang mencukupi yang diperoleh sebagaimana yang dikehendaki dalam perenggan (4)(a).

(9) Walau apa pun perenggan (4)(a), mana-mana pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang tidak memperoleh mata pembangunan profesional berterusan yang mencukupi sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis atau Lembaga boleh merayu secara bertulis kepada Yang Dipertua atau Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Perakuan pengamalan tahunan

38. (1) Mana-mana pengamal yang membuat permohonan bagi suatu perakuan pengamalan tahunan hendaklah memastikan bahawa permohonan itu sampai di pejabat Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak lewat dari hari pertama bulan November pada tahun sebelum tahun yang permohonan itu dibuat.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika pengamal pergigian atau juruterapi pergigian memohon suatu perakuan pengamalan tahunan bagi kali pertama, permohonan itu boleh dibuat pada bila-bila masa sepanjang tahun itu, dan pemohon itu hendaklah diberikan suatu perakuan pengamalan tahunan bagi baki tahun permohonan itu dibuat.

(3) Perakuan pengamalan tahunan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga tiga puluh satu Disember tahun perakuan itu dikeluarkan.

(4) Mana-mana pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang tidak memohon perakuan pengamalan tahunan mengikut Bab ini hendaklah disifatkan telah digantung daripada tarikh perakuan pengamalan tahunan semasanya luput.

(5) Tiada perakuan pengamalan tahunan boleh dikeluarkan kepada seseorang dentis melainkan jika suatu laporan mengenai pemeriksaan ke atas kemudahan jagaan kesihatan, dalam borang yang ditetapkan, telah diterima oleh Pendaftar Pergigian, dalam masa dua belas bulan yang lalu, yang menyatakan maksud bahawa kemudahan jagaan kesihatan dan keadaan amalan dentis itu adalah memuaskan hati.

Pembatalan penggantungan

39. (1) Seseorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang disifatkan telah digantung di bawah subseksyen 38(4) boleh memohon perakuan pengamalan tahunan kepada Pendaftar Pergigian atau kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam borang yang ditetapkan berserta dengan dokumen, maklumat dan butir-butir yang ditentukan oleh Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi dan caj bagi permohonan lewat sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

(2) Jika Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah mengeluarkan perakuan pengamalan tahunan kepada pemohon dan perakuan pengamalan tahunan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga tiga puluh satu Disember tahun perakuan itu dikeluarkan, dan penggantungan itu hendaklah terbatal.

(3) Seseorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang telah diberikan perakuan pengamalan tahunan di bawah subseksyen (2) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penggantungan itu dibatalkan, merayu secara bertulis kepada Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya penggantungan itu dipotong daripada rekodnya.

Perakuan pengamalan sementara

40. (1) Seseorang bukan warganegara Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar Pergigian suatu perakuan pengamalan sementara untuk menjalankan amalan pergigian di Malaysia jika dia memenuhi syarat yang berikut:

- (a) dia telah didaftarkan di luar Malaysia sebagai doktor pergigian atau yang bersamaan dengan doktor pergigian;
- (b) dia—
 - (i) telah lulus Peperiksaan Kelayakan Profesional; atau
 - (ii) memegang suatu kelayakan yang diberikan oleh institusi latihan tempatan yang diakreditasi dan telah diperakui oleh Jawatankuasa Kelayakan Pergigian sebagai telah memenuhi kehendak Peperiksaan Kelayakan Profesional;
- (c) dia membuktikan sehingga Pendaftar Pergigian berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik; dan
- (d) dia membuktikan sehingga Pendaftar Pergigian berpuas hati bahawa dia mempunyai tawaran pekerjaan atau tajaan.

(2) Seseorang bukan warganegara Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian suatu perakuan pengamalan sementara untuk menjalankan amalan pergigian di Malaysia jika dia memenuhi syarat yang berikut:

- (a) dia telah didaftarkan di luar Malaysia sebagai juruterapi pergigian atau yang bersamaan dengan juruterapi pergigian;
- (b) dia memegang apa-apa kelayakan yang diiktiraf yang tersenarai dalam Jadual Kedua, yang diberikan oleh institusi yang dinyatakan berhubung dengan kelayakan itu;
- (c) dia membuktikan sehingga Pendaftar Juruterapi Pergigian berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik; dan
- (d) dia membuktikan sehingga Pendaftar Juruterapi Pergigian berpuas hati bahawa dia mempunyai tawaran pekerjaan atau tajaan.

(3) Suatu perakuan pengamalan sementara itu hendaklah berkuat kuasa bagi suatu tempoh maksimum selama dua belas bulan.

(4) Pemegang perakuan pengamalan sementara tidak boleh mempunyai lebih daripada satu alamat pengamalan kecuali dengan kelulusan Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian boleh pada bila-bila masa membatalkan perakuan pengamalan sementara yang diberikan di bawah seksyen ini dan perakuan itu hendaklah luput dari tarikh pembatalan itu.

(6) Pemegang suatu perakuan pengamalan sementara hendaklah, selagi perakuan pengamalan sementara itu terus berkuat kuasa dan tertakluk kepada syarat dan sekatan yang dinyatakan dalam perakuan pengamalan sementara, disifatkan telah didaftarkan sebagai doktor pergigian atau juruterapi pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Walau apa pun perenggan (1)(b), Pendaftar Pergigian boleh mengeluarkan suatu perakuan pengamalan sementara kepada mana-mana orang yang memegang suatu kelayakan pakar, tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pendaftar Pergigian.

(8) Pendaftar Pergigian boleh, jika difikirkan sesuai olehnya, membenarkan pemegang perakuan pengamalan sementara untuk menjalankan amalan sebagai pakar pergigian dengan menyatakan pada perakuan pengamalan sementara kepakaran yang dia dibenarkan untuk menjalankan amalan.

Keistimewaan bagi orang yang mempunyai perakuan pengamalan

41. (1) Seseorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang mempunyai perakuan pengamalan yang sah berhak—

- (a) untuk mengenakan fi yang munasabah bagi bantuan profesional, nasihat, lawatan atau rawatan pergigian; dan
- (b) untuk mengenakan caj bagi nilai mana-mana perkakas pergigian yang diberikan, dibuat atau dibekalkan olehnya kepada pesakitnya.

(2) Tiada seorang pun berhak untuk mendapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah apa-apa caj yang disebut dalam subseksyen (1) melainkan jika pada tarikh caj itu terakru dia ialah seorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian dan mempunyai perakuan pengamalan yang sah.

Mempamerkan perakuan

42. (1) Seseorang pengamal hendaklah mempamerkan di tempat yang mudah dilihat di alamat pengamalan utama, selain di suatu kemudahan jagaan kesihatan awam atau di suatu institusi latihan tempatan, perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan semasa yang dikeluarkan kepadanya.

(2) Seseorang pengamal hendaklah mempamerkan di tempat yang mudah dilihat di mana-mana di kemudahan jagaan kesihatan lain yang dia menjalankan amalan pergigian, selain di suatu kemudahan jagaan kesihatan awam atau di suatu institusi latihan tempatan, perakuan pengamalan semasa yang dikeluarkan kepadanya.

(3) Seseorang doktor pergigian yang telah dikeluarkan dengan perakuan pendaftaran sebagai pakar pergigian, hendaklah mempamerkan di tempat yang mudah dilihat di alamat pengamalan

utama, selain di suatu kemudahan jagaan kesihatan awam atau di suatu institusi latihan tempatan, perakuan pendaftaran sebagai pakar pergigian.

(4) Seseorang juruterapi pergigian yang telah dikeluarkan dengan perakuan pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas hendaklah mempamerkan di tempat yang mudah dilihat di alamat pengamalan utama, selain di suatu kemudahan jagaan kesihatan awam atau di suatu institusi latihan tempatan, perakuan pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas.

(5) Mana-mana pengamal yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

Bab 4

Am

Menjalankan amalan sebagai juruterapi pergigian

43. (1) Seseorang juruterapi pergigian dalam sektor swasta hendaklah menjalankan amalan pergigian hanya di bawah pengawasan secara langsung seorang doktor pergigian.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “pengawasan secara langsung” ertinya seorang doktor pergigian hendaklah hadir pada setiap masa di kemudahan jagaan kesihatan semasa juruterapi pergigian menjalankan apa-apa rawatan mengikut pelan rawatan yang diluluskan oleh doktor pergigian.

(3) Seseorang juruterapi pergigian yang menjalankan amalan pergigian dalam sektor swasta hendaklah menjalankan tatacara yang tersenarai dalam Jadual Kelima sahaja.

(4) Seseorang juruterapi pergigian pascaasas yang menjalankan amalan pergigian dalam sektor swasta hendaklah menjalankan hanya tatacara yang tersenarai dalam Jadual Kelima dan Jadual Keenam berhubung dengan disiplin yang dia berkelayakan.

(5) Seseorang juruterapi pergigian yang menjalankan amalan pergigian dalam sektor awam hendaklah menjalankan tatacara pergigian hanya di bawah pengawasan seorang doktor pergigian dalam sektor awam.

Pemberitahuan pertukaran alamat

44. (1) Seseorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian hendaklah memberitahu Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa pertukaran pada alamat rumah atau alamat pengamalannya dalam tempoh tiga puluh hari selepas pertukaran itu.

(2) Seseorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

Penyampaian notis atau persuratan

45. Jika apa-apa notis atau persuratan dikehendaki untuk disampaikan atau dihantar kepada seseorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian, notis atau persuratan itu hendaklah disifatkan telah disampaikan atau dihantar kepadanya jika notis atau persuratan itu disampaikan atau dihantar melalui pos kepada alamat pengamalan utamanya.

Menandatangani perakuan sakit pergigian dan dokumen lain

46. (1) Suatu perakuan sakit pergigian atau dokumen lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis untuk ditandatangani oleh seorang pengamal pergigian yang berkelayakan sewajarnya tidak sah melainkan jika perakuan atau dokumen itu ditandatangani oleh seorang doktor pergigian.

(2) Seseorang doktor pergigian yang membenarkan mana-mana orang lain untuk menandatangani perakuan sakit pergigian atau dokumen lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis untuk ditandatangani oleh seorang pengamal pergigian yang berkelayakan sewajarnya hendaklah tertakluk kepada hukuman tatatertib oleh Majlis.

(3) Bagi maksud subseksyen (1) dan (2), perkataan “pengamal pergigian yang berkelayakan sewajarnya” atau apa-apa perkataan yang bererti seseorang yang diiktiraf di sisi undang-undang sebagai

seorang pengamal pergigian yang layak, apabila digunakan dalam mana-mana undang-undang bertulis dengan merujuk kepada orang itu, hendaklah ditafsirkan sebagai seorang doktor pergigian.

Perkhidmatan masyarakat bagi doktor pergigian

47. Seseorang pengamal pergigian yang berhasrat untuk menjalankan amalan pergigian di mana-mana lokasi selain di kemudahan jagaan kesihatan yang dinyatakan dalam perakuan pengamalannya sebagai perkhidmatan masyarakat—

- (a) bagi tempoh tidak lebih daripada tujuh hari berturut-turut; dan
- (b) bagi jumlah tidak lebih daripada empat belas hari dalam setahun,

hendaklah memperoleh kelulusan secara bertulis daripada Pendaftar Pergigian sebelum memulakan perkhidmatan masyarakat itu.

Pertubuhan perbadanan pergigian dan syarikat pergigian

48. (1) Suatu pertubuhan perbadanan pergigian atau syarikat pergigian boleh menjalankan perniagaan pergigian jika—

- (a) pertubuhan perbadanan pergigian atau syarikat pergigian itu tidak menjalankan perniagaan selain perniagaan pergigian atau perniagaan sampingan kepada perniagaan pergigian itu; dan
- (b) sekurang-kurangnya separuh daripada anggota Lembaga Pengarah pertubuhan perbadanan pergigian atau syarikat pergigian itu merupakan doktor pergigian.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu pertubuhan perbadanan atau syarikat boleh menjalankan perniagaan pergigian, jika rawatan pergigian atau perkhidmatan pergigian disediakan—

- (a) di hospital atau pusat penjagaan ambulatori;
- (b) sebagai sebahagian daripada fakulti pergigian atau sekolah pergigian, di institusi latihan tempatan;

- (c) bagi pekerjaanya oleh seorang pengamal pergigian, selain bagi keuntungan; atau
- (d) melalui pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun oleh seorang pengamal pergigian.

(3) Mana-mana pertubuhan perbadanan atau syarikat yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu—

- (a) merupakan pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang bersamaan bagi pertubuhan perbadanan atau syarikat itu; atau
- (b) yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian yang disebut dalam perenggan (a) atau dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan atau syarikat itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (i) boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan atau syarikat itu; dan
- (ii) hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pengetahuannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang perlakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankannya, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan semua hal keadaan.

(4) Jika mana-mana orang yang bertanggungjawab di bawah Akta ini atau apa-apa perundangan subsidiarinya kepada apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran, dia hendaklah bertanggungjawab kepada hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran mana-mana pengamal yang digajikan olehnya, pekerja atau ejen itu, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerjaanya dalam perjalanan pekerjaannya;

- (b) oleh ejen semasa bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam penjalanan pekerjaannya oleh ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

Pengecualian bagi doktor pergigian di atas kapal

49. Seseorang doktor pergigian semasa menjalankan tugasnya di atas kapal secara sepenuh masa hendaklah dikecualikan daripada kehendak bagi pendaftaran di bawah Akta ini dan berhak kepada semua keistimewaan pengamal pergigian di bawah Akta ini.

Menjalankan tatacara pergigian

50. (1) Seseorang yang mengikuti kursus pengajian dalam bidang pergigian, sama ada sebagai pengamal pergigian atau juruterapi pergigian, di mana-mana institusi latihan tempatan boleh menjalankan, menurut kursus pengajian itu, apa-apa penyiasatan pergigian, pemeriksaan pergigian atau rawatan pergigian ke atas pesakit di mana-mana hospital, klinik, pusat kesihatan, atau institusi lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bagi maksud seksyen ini, dengan syarat penyiasatan, pemeriksaan atau rawatan itu dijalankan oleh orang yang di bawah kawalan dan pengawasan seorang doktor pergigian yang memegang perakuan pengamalan yang sah.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang yang mengikuti kursus pengajian sebagai juruterapi pergigian hendaklah hanya menjalankan penyiasatan pergigian, pemeriksaan pergigian atau rawatan pergigian ke atas pesakit sebagaimana yang tersenarai dalam Jadual Kelima dan Jadual Keenam.

(3) Seseorang boleh menjalankan tatacara pergigian yang termasuk dalam pengertian amalan pergigian, jika orang itu diambil bekerja dalam perkhidmatan awam bagi maksud itu dan tatacara pergigian itu dijalankan dalam penjalanan pekerjaannya dan di bawah pengawasan pakar pergigian dalam perkhidmatan awam.

(4) Seseorang yang diberikan kelulusan secara bertulis untuk menduduki Peperiksaan Kelayakan Profesional, boleh menjalankan tatacara pergigian, dengan syarat tatacara itu dijalankan—

- (a) dengan kelulusan Majlis semasa menjalani mana-mana latihan sebagai persediaan bagi Peperiksaan Kelayakan Profesional; atau
- (b) sebagai kehendak Peperiksaan Kelayakan Profesional.

BAHAGIAN V

PROSIDING TATATERTIB

Pihak berkuasa tata tertib

51. (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa tata tertib ke atas semua pengamal, dan Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tata tertib ke atas semua juruterapi pergigian, yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Majlis boleh menjalankan kuasa tata tertib ke atas mana-mana pengamal dan Lembaga boleh menjalankan kuasa tata tertib ke atas mana-mana juruterapi pergigian—

- (a) yang telah bersalah kerana berkelakuan buruk dalam apa-apa jua aspek profesional;
- (b) yang telah melanggar mana-mana peruntukan Kod Tatalaku Profesional atau apa-apa garis panduan yang diendors atau dikeluarkan oleh Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) yang membenarkan seseorang yang tidak berdaftar untuk menjalankan amalan pergigian di premis yang digunakan oleh atau di bawah kawalan pengamal itu dalam pelaksanaan tugas profesionalnya;
- (d) yang dengan kehadiran, sokongan, nasihat, bantuan atau kerjasamanya telah membolehkan seseorang yang tidak berdaftar, sama ada digambarkan sebagai seorang pembantu atau selainnya, untuk menjalankan amalan pergigian;

- (e) yang menjalankan amalan pergigian atau menyediakan perkhidmatan pergigian di premis yang seseorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan pergigian;
- (f) yang, berhubung dengan pengamal pergigian, membenarkan seseorang juruterapi pergigian untuk menjalankan amalan pergigian dalam sektor swasta apabila tidak di bawah pengawasan secara langsung seorang doktor pergigian yang memegang perakuan pengamalan tahunan yang sah;
- (g) yang, berhubung dengan pengamal pergigian, membenarkan seseorang juruterapi pergigian yang menjalankan amalan dalam sektor swasta untuk menjalankan tatacara pergigian yang tidak tersenarai dalam Jadual Kelima;
- (h) yang, berhubung dengan juruterapi pergigian yang menjalankan amalan dalam sektor swasta, menjalankan tatacara pergigian yang tidak tersenarai dalam Jadual Kelima;
- (i) yang, berhubung dengan pengamal pergigian, membenarkan seseorang juruterapi pergigian pascaasas yang menjalankan amalan dalam sektor swasta, menjalankan tatacara yang tidak tersenarai dalam Jadual Kelima atau Jadual Keenam berhubung dengan disiplin yang dia didaftarkan;
- (j) yang, berhubung dengan juruterapi pergigian pascaasas yang menjalankan amalan dalam sektor swasta, menjalankan tatacara pergigian yang tidak tersenarai dalam Jadual Kelima atau Jadual Keenam berhubung dengan disiplin yang dia didaftarkan;
- (k) yang telah disabitkan oleh mahkamah di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda;
- (l) yang telah memperoleh pendaftaran secara fraud atau salah nyataan;
- (m) yang pada masa pendaftarannya tidak berhak untuk didaftarkan;

- (n) yang namanya telah dipotong daripada daftar pengamal pergigian atau daftar juruterapi pergigian, atau daripada daftar mana-mana maktab pergigian atau badan pelesenan yang disenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia, akibat daripada apa-apa salah laku atau prosiding tatatertib; atau
- (o) yang telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Jawatankuasa Aduan

52. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Aduan untuk mengendalikan apa-apa aduan atau maklumat yang diterima terhadap mana-mana pengamal.

(2) Jawatankuasa Aduan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Yang Dipertua:

- (a) seseorang pengamal pergigian yang mewakili Majlis;
- (b) seseorang pengamal pergigian daripada sektor swasta yang bukan anggota Majlis; dan
- (c) seseorang pengamal pergigian daripada Kementerian Kesihatan.

(3) Anggota Jawatankuasa Aduan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman sebagai seorang doktor pergigian dan tidak pernah tertakluk kepada apa-apa hukuman tatatertib oleh Majlis.

(4) Anggota Jawatankuasa Aduan hendaklah dilantik bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

Aduan atau maklumat terhadap pengamal

53. (1) Semua aduan atau maklumat yang diterima terhadap seorang pengamal hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Aduan.

(2) Jawatankuasa Aduan hendaklah menimbang teliti apa-apa aduan atau maklumat yang diterima terhadap mana-mana pengamal berdasarkan klasifikasi aduan atau maklumat yang dinyatakan dalam seksyen 54.

(3) Aduan atau maklumat yang diterima terhadap mana-mana pengamal dan syor Jawatankuasa Aduan hendaklah dikemukakan kepada Yang Dipertua bagi keputusannya.

Klasifikasi aduan atau maklumat

54. Klasifikasi aduan atau maklumat adalah seperti yang berikut:

- (a) jika aduan atau maklumat itu melibatkan apa-apa kesalahan yang disebut dalam perenggan 51(2)(a) hingga (j), dan berhubung dengan seorang pengamal pergigian sahaja atau seorang pengamal pergigian dan seorang juruterapi pergigian, aduan atau maklumat itu hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan;
- (b) jika aduan atau maklumat itu melibatkan apa-apa kesalahan yang disebut dalam perenggan 51(2)(a), (b), (c), (d), (e), (h) dan (j), dan berhubung dengan seorang juruterapi pergigian sahaja, aduan atau maklumat itu hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib;
- (c) jika aduan atau maklumat itu melibatkan apa-apa kesalahan yang disebut dalam perenggan 51(2)(k) hingga (o), dan berhubung dengan seorang pengamal pergigian, aduan atau maklumat itu hendaklah dirujuk kepada Majlis;
- (d) jika aduan atau maklumat itu melibatkan apa-apa kesalahan yang disebut dalam perenggan 51(2)(k) hingga (o), dan berhubung dengan seorang juruterapi pergigian, aduan atau maklumat itu hendaklah dirujuk kepada Lembaga; atau
- (e) jika aduan atau maklumat itu melibatkan suatu kesalahan yang dilakukan oleh pengamal terhadap Akta ini atau mana-mana Akta lain, aduan atau maklumat itu hendaklah dirujuk kepada Pengarah Kanan.

Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan

55. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan untuk menyiasat apa-apa aduan atau maklumat terhadap seseorang pengamal atau apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis.

(2) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah terdiri daripada tujuh anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Yang Dipertua:

- (a) jika hal melibatkan pengamal pergigian sahaja—
 - (i) enam orang doktor pergigian, setiap doktor pergigian itu hendaklah berpengalaman tidak kurang daripada sepuluh tahun; dan
 - (ii) seorang orang biasa; atau
- (b) jika hal melibatkan seorang pengamal pergigian dan seorang juruterapi pergigian—
 - (i) lima orang doktor pergigian, setiap doktor pergigian itu hendaklah berpengalaman tidak kurang daripada sepuluh tahun;
 - (ii) seorang juruterapi pergigian; dan
 - (iii) seorang orang biasa.

(3) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah menentukan sama ada perlu atau tidak suatu siasatan diadakan berdasarkan kepada siasatannya dan hendaklah mengesyorkan dapatannya kepada Majlis.

Jawatankuasa Tatatertib

56. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Tatatertib untuk menyiasat apa-apa aduan atau maklumat terhadap seseorang juruterapi pergigian atau apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Lembaga.

(2) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada tujuh anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Yang Dipertua:

- (a) lima orang juruterapi pergigian;

(b) seorang doktor pergigian; dan

(c) seorang orang biasa.

(3) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menentukan sama ada perlu atau tidak suatu siasatan diadakan berdasarkan kepada siasatannya dan hendaklah mengesyorkan dapatannya kepada Lembaga.

Penolakan aduan

57. Jawatankuasa Aduan boleh mengesyorkan kepada Yang Dipertua bagi menolak terus apa-apa aduan atau maklumat yang diterima di bawah seksyen 53 jika Jawatankuasa Aduan berpuas hati bahawa—

(a) nama dan alamat pengadu tidak diketahui atau tidak dapat dikesan;

(b) aduan atau maklumat itu tidak menjadi suatu isu etika atau kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana Akta lain;

(c) aduan atau maklumat yang diterima meragukan; atau

(d) pengadu telah menarik balik aduan secara bertulis.

Hukuman tatatertib

58. (1) Majlis atau Lembaga boleh, dalam menjalankan kuasa tatatertibnya, mengenakan mana-mana satu atau lebih hukuman yang berikut:

(a) memerintahkan supaya nama pengamal dipotong daripada Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian;

(b) memerintahkan supaya nama pengamal digantung daripada Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian bagi apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Majlis atau Lembaga;

(c) memerintahkan supaya pengamal dicela; atau

(d) memberi amaran atau nasihat kepada pengamal.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Majlis atau Lembaga boleh menggantung pelaksanaan hukuman di bawah perenggan (1)(a), (b) atau (c), tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis atau Lembaga, yang termasuklah mana-mana yang berikut, bagi tempoh tidak melebihi dua tahun:

- (a) mengarahkan pengamal untuk mendapatkan rawatan perubatan;
- (b) mengarahkan apa-apa syarat yang berhubungan dengan amalan pergigian pengamal atau penyediaan perkhidmatan pergigian pengamal, yang dianggap sesuai, dikenakan ke atas pendaftaran pengamal;
- (c) mengarahkan supaya pengamal menjalani kursus atau program pendidikan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis atau Lembaga; atau
- (d) mengarahkan supaya pengamal melaporkan amalan pergigiannya kepada pengamal atau orang sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Majlis atau Lembaga, boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis atau Lembaga, berkaitan dengan pembayaran kos Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian dan mana-mana pengadu atau pengamal itu, dan apa-apa kos lain yang telah ditanggung boleh didapati kembali sebagai hutang sivil.

Perakuan hendaklah dikembalikan

59. (1) Pengamal yang namanya telah dipotong atau digantung daripada Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian hendaklah, dalam tempoh tujuh hari dari pengumuman perintah di bawah seksyen 58, menyerahkan perakuan pendaftaran dan semua perakuan pengamalannya yang sah kepada Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hukuman itu hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta.

(2) Jika pengamal atau peguam bela dan peguam caranya tidak hadir di hadapan Majlis atau Lembaga pada masa pengumuman perintah itu, Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menghantar notis perintah yang dibuat oleh Majlis atau Lembaga kepada pengamal.

(3) Notis dalam subseksyen (2) hendaklah dihantar ke alamat pengamalan utama pengamal atau alamat terakhirnya yang diketahui, sekiranya alamat itu berbeza daripada alamat pengamalan utamanya dan ternyata pada Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian yang penyampaian itu lebih berkesan.

(4) Apabila menerima notis di bawah subseksyen (2), pengamal hendaklah menyerahkan perakuan pendaftaran dan semua perakuan pengamalannya yang sah kepada Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu, dan hukuman itu hendaklah berkuat kuasa dengan serta merta.

(5) Mana-mana pengamal yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(6) Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah menyiarkan nama mana-mana orang yang dipotong atau digantung daripada amalan di bawah seksyen ini.

Rayuan

60. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan suatu perintah yang dibuat terhadapnya oleh Majlis pada menjalankan kuasa tatatertibnya boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), amalan berhubung dengan rayuan itu hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah mahkamah yang terpakai di Mahkamah Tinggi.

(3) Mana-mana orang yang terkilan dengan suatu perintah yang dibuat terhadapnya oleh Lembaga pada menjalankan kuasa tatatertibnya boleh merayu kepada Majlis, melalui suatu notis secara bertulis, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat.

Kemasukan semula nama ke dalam Daftar

61. Mana-mana pengamal yang namanya telah dipotong daripada Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian menurut suatu perintah oleh Majlis atau Lembaga di bawah perenggan 58(1)(a)

hendaklah, jika rayuannya dibenarkan, dimasukkan semula dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian dan Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan kepadanya.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN

Larangan menjalankan amalan pergigian oleh orang yang tidak berdaftar

62. (1) Seseorang yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini tidak boleh menjalankan amalan pergigian.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang hendaklah disifatkan sebagai menjalankan amalan pergigian mengikut pengertian Akta, jika—

- (a) dia merawat atau cuba untuk merawat atau mengaku untuk merawat, mengubati, melegakan atau mencegah apa-apa penyakit, kekurangan, lesi atau kesakitan pada gigi manusia atau kompleks oral dan maksilofasial dan struktur yang berkaitan dengannya;
- (b) dia melakukan atau cuba untuk melakukan apa-apa pembedahan atau tatacara ke atas gigi manusia atau kompleks oral dan maksilofasial dan struktur yang berkaitan dengannya;
- (c) dia memasukkan atau cuba untuk memasukkan apa-apa gigi buatan atau perkakas bagi pemulihan, pengaturan atau pembaikan gigi atau struktur yang berkaitan dengannya;
- (d) dia melakukan apa-apa kerja radiografi berkaitan dengan gigi manusia, rongga mulut atau kompleks oral dan maksilofasial dan struktur yang berkaitan dengannya;
- (e) dia melakukan atau cuba untuk melakukan pembedahan pembentukan semula dengan graf atau flap untuk memulihkan atau cuba untuk memulihkan kecacatan di bahagian oral dan maksilofasial;

- (f) dia melakukan atau cuba untuk melakukan plasti atau pemulihan oral dan muka di kompleks oral dan maksilofasial dan bahagian yang berkaitan dengannya;
- (g) dia memberikan apa-apa rawatan, nasihat atau layanan ke atas atau kepada mana-mana orang berkaitan dengan memasang atau memasukkan bagi maksud memasang atau melepaskan gigi buatan atau suatu korona atau jambatan atau suatu perkakas bagi pemulihan atau pengaturan gigi manusia atau kompleks oral dan maksilofasial;
- (h) dia memberi apa-apa ubat bius atau sedatif berkaitan dengan apa-apa pembedahan atau rawatan itu sebagaimana yang disebut dalam subseksyen ini; atau
- (i) dia mengemukakan dirinya sama ada secara langsung atau secara tidak langsung sebagai menjalankan amalan pergigian.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang seorang pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] daripada menjalankan apa-apa tatacara perubatan.

Secara palsu menyamar sebagai pengamal

63. (1) Seseorang yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini tidak boleh—

- (a) menyamar sebagai pengamal di bawah Akta ini;
- (b) mendakwa berkelayakan untuk menjalankan amalan pergigian;
- (c) memakai atau menggunakan apa-apa nama atau gelaran, tambahan atau perihalan, membayangkan bahawa—
 - (i) dia seorang pengamal;
 - (ii) dia diiktiraf di sisi undang-undang sebagai pengamal; atau

- (iii) dia berkelayakan untuk menyembuh atau merawat penyakit atau ketidakaturan gigi sama ada dengan cara ilmu pergigian atau apa-apa cara lain dalam apa-apa bentuk atau perihalan;
- (d) memakai atau menggunakan apa-apa alat atau bahan pergigian untuk mendorong mana-mana orang untuk mempercayai bahawa dia berkelayakan untuk menjalankan amalan pergigian;
- (e) menggunakan istilah “klinik pergigian”, “dispensari pergigian”, “hospital pergigian” atau yang bersamaan dengan mana-mana istilah ini dalam apa-apa bahasa lain pada papan tanda di tempat amalannya, berupa menjalankan amalan pergigian; atau
- (f) menggunakan suatu simbol yang direka bentuk oleh Majlis atau Lembaga itu bagi kegunaan pengamal sahaja.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(3) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) pemakaian atau penggunaan oleh mana-mana orang istilah “dokter pergigian”, “pakar pergigian”, “dentis berkelayakan”, “dokter pembedahan pergigian”, “profesor pergigian”, “dentis pakar bedah”, “dentis”, “juruterapi pergigian”, “jururawat pergigian”, “juruhigin pergigian”, “klinik pergigian”, “dispensari pergigian”, “hospital pergigian” atau mana-mana istilah yang bersamaan dalam apa-apa bahasa lain berhubung dengan amalan pergigian hendaklah disifatkan sebagai pemakaian atau penggunaan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan untuk mendorong mana-mana orang mempercayai bahawa dia berkelayakan untuk menjalankan amalan pergigian;

- (b) penggunaan oleh mana-mana orang apa-apa alat atau bahan pergigian yang digunakan secara khusus oleh orang yang berkelayakan untuk menjalankan amalan pergigian hendaklah disifatkan sebagai penggunaan sesuatu alat atau bahan untuk mendorong seseorang untuk mempercayai bahawa dia berkelayakan untuk menjalankan amalan pergigian; dan
- (c) mana-mana orang, selain seorang pengamal, seorang pengamal perubatan atau peniaga peralatan, perkakas atau alat perubatan atau pergigian, yang ada dalam milikannya mana-mana satu atau lebih daripada peralatan, perkakas atau alat yang biasanya digunakan dalam amalan pergigian, seperti kerusi pergigian, unit pemotongan pergigian, forsep pergigian, picagari pergigian, cermin pergigian atau prob pergigian, hendaklah disifatkan sebagai berpura-pura didaftarkan di bawah Akta ini dan berkelayakan untuk menjalankan amalan pergigian.

Memperihalkan kerjaya secara palsu

64. Seseorang dentis yang—

- (a) menggunakan, dalam memperihalkan kerjayanya, apa-apa istilah selain istilah “dentis”; atau
- (b) berpura-pura sebagai, memakai atau menggunakan nama atau gelaran doktor pergigian, dentis pakar bedah, dentis berkelayakan, doktor pembedahan pergigian, profesor pergigian atau apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang membayangkan bahawa dentis itu mempunyai atau memegang apa-apa kelayakan untuk mengamal selain sebagai seorang dentis,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pendaftaran secara fraud

65. Mana-mana orang yang, sama ada secara lisan atau bertulis, secara fraud memperoleh atau menyebabkan pemerolehan suatu perakuan dengan membuat atau menyebabkan dibuat, atau

mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan, suatu pengakuan, perakuan, permohonan atau representasi yang palsu atau fraud melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang berhubungan dengan perakuan pengamalan

66. (1) Seseorang pengamal yang menjalankan amalan pergigian tanpa perakuan pengamalan yang sah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang pengamal yang dengan diketahuinya menjalankan amalan pergigian dengan seseorang yang tidak mempunyai perakuan pengamalan yang sah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Seseorang pengamal yang menggaji seseorang yang tidak mempunyai perakuan pengamalan yang sah untuk menjalankan amalan pergigian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa fi, caj, upah, perbelanjaan atau kos yang ditanggung semasa dia atau mana-mana orang lain yang disebut dalam seksyen ini tidak mempunyai perakuan pengamalan yang sah.

Mempamerkan perakuan secara palsu

67. Mana-mana orang yang mempamerkan atau membenarkan untuk dipamerkan dalam mana-mana premis—

(a) suatu perakuan pendaftaran;

(b) suatu perakuan pengamalan;

- (c) suatu perakuan pendaftaran sebagai pakar;
- (d) suatu perakuan pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas; atau
- (e) suatu salinan yang diperakui mana-mana (a), (b), (c) atau (d),

yang mengandungi nama atau gambarnya pada bila-bila masa apabila namanya tiada dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian atau dia tidak memegang perakuan pengamalan yang sah, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Menggaji seseorang yang bukan pengamal

68. Mana-mana orang yang menggaji seseorang yang bukan pengamal di bawah Akta ini untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab seorang pengamal melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Berselindung

69. Seorang pengamal yang—

- (a) membenarkan seseorang yang tidak berdaftar untuk menjalankan amalan pergigian di premis yang digunakan oleh pengamal itu dalam melaksanakan tugas profesionalnya;
- (b) dengan kehadiran, sokongan, nasihat, bantuan atau kerjasamanya telah membolehkan seseorang yang tidak berdaftar, sama ada digambarkan sebagai seorang pembantu atau selainnya, untuk menjalankan amalan pergigian; atau
- (c) dengan diketahuinya menjalankan amalan pergigian di premis yang seseorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan pergigian,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

Pegawai diberi kuasa

70. (1) Ketua Pengarah boleh memberi kuasa secara bertulis mana-mana pegawai awam sebagai pegawai diberi kuasa untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Pegawai diberi kuasa hendaklah dikeluarkan dengan kad kuasa mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa bagi maksud Akta ini, seorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai semua atau mana-mana kuasa seorang pegawai polis dalam apa jua pangkat berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], dan semua kuasa hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya.

Pengemukaan kad kuasa rasmi

71. Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah Akta ini hendaklah pada setiap masa membawa dan mengemukakan kad kuasa yang dikeluarkan di bawah subseksyen 70(2) semasa memasuki atau memeriksa mana-mana premis.

Kewajipan untuk membantu pegawai diberi kuasa

72. (1) Apabila seseorang pegawai diberi kuasa menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, pengamal atau pemilik atau penghuni mana-mana premis yang digunakan atau dipercayai telah digunakan sebagai tempat untuk menjalankan amalan pergigian dan mana-mana orang yang dijumpai dalam premis itu hendaklah—

- (a) menyediakan kepada pegawai diberi kuasa bantuan sebagaimana yang dikehendaki secara munasabah oleh pegawai diberi kuasa itu;

- (b) memberi pegawai diberi kuasa semua maklumat yang munasabah dalam perkara berkaitan; dan
- (c) mengemukakan kepada pegawai diberi kuasa apa-apa buku, rekod atau dokumen dalam milikan atau jagaannya atau di bawah kawalannya atau dalam kuasanya untuk diberi, yang berhubungan dengan hal ehwal tempat amalan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

Kuasa untuk mengelak

73. (1) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan apa-apa rekod, peralatan, perkakas, bahan pergigian atau perubatan, atau benda lain tidak boleh dilaksanakan, pegawai diberi kuasa hendaklah dengan apa-apa cara—

- (a) meletakkan rekod, peralatan, perkakas, bahan pergigian atau perubatan, atau benda lain di dalam sebuah bilik, ruang atau kabinet yang terletak di dalam premis itu; dan
- (b) menanda, menutup dan mengelak bekas, pintu atau bukaan yang memberi akses ke bilik, ruang atau kabinet itu.

(2) Jika pegawai diberi kuasa mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis sedang digunakan sebagai tempat menjalankan amalan pergigian oleh seseorang yang tidak berdaftar, pegawai diberi kuasa boleh dengan apa-apa cara mengelak premis itu.

(3) Orang yang menghuni atau menggunakan premis itu sebagai tempat amalan, boleh dalam tempoh dua puluh satu hari dari pengelakan itu, mengemukakan kepada Ketua Pengarah perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan orang yang dikatakan tidak berdaftar yang disebut dalam subseksyen (2).

(4) Pengelakan di bawah subseksyen (2) hendaklah dialihkan jika orang yang dirujuk dalam subseksyen (3) mematuhi kehendak subseksyen itu.

(5) Mana-mana orang yang memecah, mengusik atau merosakkan lak itu atau mengalihkan rekod, peralatan, perkakas, bahan pergigian atau perubatan, atau benda lain yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

Pelucuthakan barangan yang disita

74. (1) Semua barangan yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau pelepasan mana-mana barangan yang disita dalam menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah diadakan dan suatu perintah bagi pelucuthakan barangan yang disita hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barangan yang disita itu adalah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang yang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana barangan yang disita dalam menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, barangan itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthakkan apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan melainkan suatu tuntutan untuk barangan itu dibuat sebelum tarikh itu dengan cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5) dan (6).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan itu dan bahawa barangan itu tidak boleh dilucut hak boleh, secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan suatu notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa bahawa dia menuntut barangan itu.

(5) Apabila menerima notis itu pegawai diberi kuasa hendaklah merujuk perkara itu kepada mahkamah untuk keputusan.

(6) Mahkamah yang perkara itu dirujuk hendaklah mengeluarkan saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan dan orang yang daripadanya barangan itu

disita untuk hadir di hadapannya, dan apabila dia hadir atau tidak hadir, setelah penyerahan saman dibuktikan, mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan mengenai perkara itu dan dibuktikan bahawa kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan barangan itu adalah hal perkara atau yang digunakan dalam perlakuan kesalahan itu, hendaklah mengarahkan supaya barangan itu dilucuthakkan atau boleh, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(7) Semua barangan yang dilucuthakkan atau disifatkan telah dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada pegawai diberi kuasa dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Ketua Pengarah.

Kos memegang barangan yang disita

75. Jika mana-mana barangan yang disita dalam menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegang barangan dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan kembali

76. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa barangan yang disita dalam menjalankan atau berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak untuk mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Permulaan pendakwaan

77. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa sanksi secara bertulis oleh Pendakwa Raya.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Khidmat wajib

78. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu notis bertulis kepada mana-mana doktor pergigian yang memperoleh pendaftaran di bawah seksyen 31 untuk memegang jawatan sebagai doktor pergigian dalam jawatan itu dan pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis.

(2) Seseorang doktor pergigian yang disampaikan kepadanya notis bertulis di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi notis bertulis itu, dan jika dia tidak berbuat demikian maka hendaklah disampaikan kepadanya notis tunjuk sebab oleh Yang Dipertua.

(3) Mana-mana doktor pergigian yang disampaikan kepadanya notis tunjuk sebab di bawah subseksyen (2) hendaklah menjawab notis tunjuk sebab itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu.

(4) Jika Yang Dipertua menerima penjelasan dalam jawapan notis tunjuk sebab, dia hendaklah memutuskan tindakan yang perlu diambil ke atas doktor pergigian itu.

(5) Jika Yang Dipertua menolak penjelasan dalam jawapan notis tunjuk sebab, dia hendaklah mengarahkan Pendaftar Pergigian untuk memotong nama doktor pergigian itu daripada Daftar Pergigian.

(6) Jika mana-mana doktor pergigian tidak menjawab notis tunjuk sebab yang disampaikan di bawah subseksyen (2) dalam masa yang dinyatakan, Yang Dipertua hendaklah mengarahkan Pendaftar Pergigian untuk memotong nama doktor pergigian itu daripada Daftar Pergigian.

(7) Mana-mana doktor pergigian yang namanya telah dipotong daripada Daftar Pergigian di bawah subseksyen (5) atau (6) boleh merayu secara bertulis kepada Menteri dan hendaklah, jika rayuannya dibenarkan, dimasukkan semula namanya ke dalam Daftar Pergigian.

(8) Keputusan Menteri di bawah subseksyen (7) boleh dibuat tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(9) Jika suatu notis bertulis di bawah subseksyen (1) telah disampaikan kepada mana-mana doktor pergigian, Ketua Pengarah boleh membatalkan notis bertulis itu dan, jika difikirkannya patut, menyebabkan notis bertulis lanjutan disampaikan kepada doktor pergigian itu.

Tempoh perkhidmatan

79. (1) Seseorang doktor pergigian yang mula berkhidmat dalam suatu jawatan menurut notis bertulis yang dikeluarkan di bawah seksyen 78, hendaklah terus berkhidmat dalam jawatan itu atau dalam apa-apa jawatan lain yang kemudian sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah selama suatu jumlah tempoh terus-menerus yang ditetapkan.

(2) Mana-mana doktor pergigian yang tidak mematuhi subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepadanya notis tunjuk sebab oleh Yang Dipertua.

(3) Mana-mana doktor pergigian yang disampaikan kepadanya suatu notis tunjuk sebab di bawah subseksyen (2) hendaklah menjawab notis tunjuk sebab itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu.

(4) Jika Yang Dipertua menerima penjelasan dalam jawapan notis tunjuk sebab, dia hendaklah memutuskan tindakan yang perlu diambil ke atas doktor pergigian itu.

(5) Jika Yang Dipertua menolak penjelasan dalam jawapan notis tunjuk sebab, dia hendaklah mengarahkan Pendaftar Pergigian untuk memotong nama doktor pergigian itu daripada Daftar Pergigian.

(6) Jika mana-mana doktor pergigian tidak menjawab notis tunjuk sebab yang disampaikan di bawah subseksyen (2) dalam masa yang dinyatakan, Yang Dipertua hendaklah mengarahkan Pendaftar Pergigian untuk memotong nama doktor pergigian itu daripada Daftar Pergigian.

(7) Mana-mana doktor pergigian yang namanya telah dipotong daripada Daftar Pergigian di bawah subseksyen (5) atau (6) boleh merayu secara bertulis kepada Menteri dan hendaklah, jika rayuannya dibenarkan, dimasukkan semula namanya ke dalam Daftar Pergigian.

(8) Keputusan Menteri di bawah subseksyen (7) boleh dibuat tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

Kuasa Menteri

80. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberikan pengurangan sebagaimana yang difikirkan sesuai olehnya atau pengecualian penuh daripada tempoh perkhidmatan —

- (a) berkenaan dengan mana-mana orang tertentu;
- (b) secara am, berkenaan dengan mana-mana golongan orang bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh dinyatakannya; atau
- (c) secara am, berkenaan dengan semua orang bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh dinyatakannya.

(2) Menteri boleh, apabila permohonan dibuat kepadanya oleh mana-mana orang yang kena menjalani tempoh perkhidmatan di bawah seksyen 79, memberi orang itu penangguhan daripada memulakan atau menghabiskan perkhidmatan itu, selama apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan sesuai olehnya.

(3) Keputusan Menteri di bawah subseksyen (2) adalah muktamad.

Fi ditetapkan

81. Apa-apa fi dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Kod Tatalaku Profesional

82. (1) Majlis hendaklah menubuhkan Kod Tatalaku Profesional untuk dipatuhi oleh semua pengamal setakat dan dengan cara yang difikirkannya sesuai.

(2) Pengamal hendaklah mematuhi peruntukan yang dinyatakan dalam Kod Tatalaku Profesional.

(3) Jika sampai kepada pengetahuan Majlis bahawa dikatakan terdapat pelanggaran Kod Tatalaku Profesional, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Aduan.

Garis panduan dan arahan

83. (1) Majlis atau Lembaga boleh mengeluarkan garis panduan dan arahan sebagaimana yang dianggap perlu atau suai manfaat oleh Majlis atau Lembaga.

(2) Garis panduan dan arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah dipatuhi oleh semua pengamal.

(3) Mana-mana pengamal yang tidak mematuhi garis panduan atau arahan hendaklah tertakluk kepada kuasa tata tertib Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penyata, laporan dan maklumat

84. Majlis dan Lembaga hendaklah memberi Menteri penyata, laporan dan maklumat berkenaan dengan aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri.

Maklumat yang dikehendaki

85. (1) Majlis dan Lembaga boleh meminta apa-apa maklumat yang dikehendaki olehnya supaya diberikan oleh mana-mana pengamal yang namanya berada dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian dan pengamal itu hendaklah memberikan maklumat itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia dikehendaki untuk berbuat demikian.

(2) Jika terdapat apa-apa perubahan pada maklumat yang diberikan kepada Majlis atau Lembaga, pengamal hendaklah memberitahu Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, akan perubahan itu dalam tempoh tiga bulan daripada berlakunya perubahan itu.

(3) Mana-mana pengamal yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

Pengamal pergigian yang diberi kuasa disifatkan sebagai pegawai pergigian Kerajaan

86. (1) Ketua Pengarah boleh memberi kuasa secara bertulis, mana-mana pengamal pergigian yang didaftarkan di bawah Akta ini dan yang tidak berkhidmat dalam sektor awam untuk menjalankan mana-mana fungsi yang berikut di mana-mana hospital, klinik atau pusat kesihatan atau di mana-mana institusi sama yang lain:

- (a) untuk menjalankan siasatan, pemeriksaan, rawatan atau pengendalian mana-mana pesakit; atau
- (b) untuk melakukan siasatan autopsi atau bedah siasat ke atas mana-mana orang yang telah mati.

(2) Seorang pengamal pergigian yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai pegawai pergigian Kerajaan bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah dan undang-undang lain yang terpakai di Malaysia semasa dia menjalankan fungsi itu.

Liabiliti Kerajaan bagi kesalahan tort

87. (1) Seseorang pengamal pergigian yang diberi kuasa yang disebut dalam seksyen 86 yang, atas permintaan atau dengan persetujuan Kerajaan, menjalankan apa-apa siasatan, pemeriksaan, rawatan atau pengendalian ke atas mana-mana pesakit atau melakukan siasatan autopsi atau bedah siasat ke atas mana-mana orang yang telah mati di mana-mana hospital, klinik atau pusat kesihatan Kerajaan atau di mana-mana institusi Kerajaan yang sama hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam bagi maksud seksyen 5 Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*].

(2) Walau apa pun subseksyen 6(4) Akta Prosiding Kerajaan 1956, prosiding boleh dimulakan terhadap Kerajaan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran oleh pengamal pergigian yang dibuat atau dilakukan semasa atau berhubung dengan siasatan, pemeriksaan, rawatan, pengendalian, siasatan autopsi atau bedah siasat di bawah subseksyen (1).

Pengamal undang-undang

88. Majlis boleh melantik pengamal undang-undang yang mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk membantu Majlis, Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya semasa apa-apa siasatan yang berhubungan dengan perkara tatatertib;
- (b) untuk memulakan dan menjalankan apa-apa prosiding sivil bagi pihak Majlis atau Lembaga; dan
- (c) untuk membantu Majlis, Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan Akta ini atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

Pengkompaunan kesalahan

89. (1) Menteri boleh, atas syor Majlis, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan—

- (a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang boleh dikompaun;
- (b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan; dan
- (c) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan.

(2) Pegawai diberi kuasa boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan untuk mengkompaun kesalahan apabila dibayar kepada pegawai diberi kuasa suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah seksyen ini—

- (a) tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat; dan
- (b) apa-apa barangan yang disita berkaitan dengan kesalahan, boleh dilepaskan dengan serta-merta tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh dikenakan.

Perwakilan fungsi dan kuasa

90. (1) Majlis boleh, secara bertulis, mewakili apa-apa fungsi dan kuasanya, kecuali kuasa untuk membuat perundangan subsidiari, kepada—

- (a) anggota Majlis;
- (b) Setiausaha Majlis; atau
- (c) jawatankuasa Majlis.

(2) Mana-mana orang dan Jawatankuasa yang diwakili dengan fungsi dan kuasa sedemikian hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Majlis dan semua kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Majlis.

(3) Mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakili di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Majlis.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Majlis daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakili itu.

Kuasa untuk meminda Jadual

91. Menteri boleh, selepas berunding dengan Majlis, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Akta ini.

Peraturan-peraturan

92. (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh menetapkan—

- (a) bentuk dan kandungan Daftar Pergigian, Daftar Juruterapi Pergigian, Daftar Bersyarat, Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Pergigian dan Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Juruterapi Pergigian;
- (b) amaun fi dan caj berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini;
- (c) bentuk apa-apa perakuan yang dikehendaki bagi menjalankan maksud Akta ini;
- (d) tatacara bagi pemilihan anggota Majlis atau Lembaga;
- (e) tatacara bagi penerimaan aduan atau maklumat berhubung dengan apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis;
- (f) tatacara bagi penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan untuk membuat siasatan permulaan terhadap aduan atau maklumat yang menyentuh tentang apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis;
- (g) tatacara bagi penerimaan aduan atau maklumat berhubung dengan apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Lembaga;

- (h) tatacara bagi penubuhan Jawatankuasa Tatatertib untuk membuat siasatan permulaan terhadap aduan atau maklumat yang menyentuh tentang apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Lembaga;
- (i) tatacara bagi penubuhan Jawatankuasa Kelayakan Pergigian bagi maksud penilaian permohonan bagi Peperiksaan Kelayakan Profesional dan menjalankan Peperiksaan Kelayakan Profesional bagi pengamal pergigian;
- (j) tatacara bagi penubuhan Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian bagi maksud penilaian permohonan bagi pendaftaran sebagai pakar pergigian; dan
- (k) apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

BAHAGIAN IX

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pemansuhan dan pembubaran

93. (1) Akta Pergigian 1971 dimansuhkan (Akta dimansuhkan).

(2) Majlis Pergigian Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta dimansuhkan adalah dibubarkan (Majlis dibubarkan) dalam tempoh enam bulan dari tarikh ditetapkan.

(3) Walau apa pun pemansuhan Akta Pergigian 1971 di bawah subseksyen (1), Akta dimansuhkan tidak menjejaskan perintah dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut Akta dimansuhkan dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan perintah dan peraturan-peraturan itu hendaklah kekal berkuat kuasa dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah tiap-tiap perintah dan peraturan-peraturan

itu dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut Akta ini sehingga digantikan atau dibatalkan oleh mana-mana perintah atau peraturan-peraturan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut Akta ini.

Pemindahan kuasa, dsb.

94. Kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan kewajipan yang sebaik sebelum tarikh ditetapkan ada pada Majlis dibubarkan hendaklah dipindahkan mulai tarikh itu kepada Majlis yang ditubuhkan oleh Akta ini.

Kontrak sedia ada

95. Semua surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh ditetapkan hendaklah mempunyai kuat kuasa dan berkesan sepenuhnya terhadap atau dengan memihak kepada Majlis yang ditubuhkan oleh Akta ini dan hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya dan seberkesannya seolah-olah, sebagai ganti Majlis dibubarkan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Majlis dibubarkan, Majlis yang ditubuhkan oleh Akta ini telah dinamakan dalamnya atau menjadi pihak kepadanya.

Keanggotaan Majlis dibubarkan

96. (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan, anggota Majlis dibubarkan dan anggota mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta dimansuhkan yang memegang jawatan sebelum tarikh ditetapkan hendaklah terhenti memegang jawatan selepas enam bulan dari tarikh ditetapkan.

(2) Tiada apa jua pun dalam subseksyen (1) boleh menjejaskan kebertanggungjawaban anggota Majlis dibubarkan yang tamat tempoh jawatannya.

Kecualian bagi perakuan pengamalan

97. (1) Walau apa pun pemansuhan dan pembubaran di bawah seksyen 93 atau apa-apa peruntukan Akta ini yang berlawanan, tiap-tiap orang yang, sebelum tarikh ditetapkan memegang suatu

perakuan pengamalan yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta dimansuhkan hendaklah, pada tarikh ditetapkan, disifatkan mempunyai perakuan pengamalan di bawah Akta ini bagi baki tahun yang Akta ini mula berkuat kuasa dan hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Majlis yang ditubuhkan oleh Akta ini.

(2) Peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pembatalan, penggantungan dan pembaharuan perakuan pengamalan hendaklah terpakai bagi semua orang yang disifatkan mempunyai perakuan pengamalan yang sah di bawah subseksyen (1).

Kecualian bagi daftar

98. (1) Tiap-tiap orang yang, sebaik sebelum tarikh ditetapkan telah didaftarkan dalam Bahagian I Daftar Pergigian di bawah Akta dimansuhkan, hendaklah pada tarikh ditetapkan, disifatkan telah didaftarkan sebagai seorang doktor pergigian dalam Bahagian I Daftar Pergigian di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap orang yang, sebaik sebelum tarikh ditetapkan telah didaftarkan dalam Bahagian II Daftar Pergigian di bawah Akta dimansuhkan, hendaklah pada tarikh ditetapkan, disifatkan telah didaftarkan sebagai seorang dentis dalam Bahagian II Daftar Pergigian di bawah Akta ini.

(3) Semua daftar yang disimpan dan disenggara di bawah Akta dimansuhkan hendaklah pada tarikh ditetapkan disifatkan sebagai daftar yang disimpan dan disenggara di bawah Akta ini.

Penerusan permohonan, dsb., yang belum diputuskan

99. (1) Semua permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau selainnya, yang belum diputuskan oleh Majlis dibubarkan di bawah Akta dimansuhkan hendaklah, pada tarikh ditetapkan, diuruskan oleh Majlis mengikut peruntukan yang terpakai di bawah Akta ini.

(2) Semua permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau selainnya, yang belum diputuskan oleh Menteri di bawah Akta dimansuhkan hendaklah, pada tarikh ditetapkan, diuruskan oleh Menteri mengikut peruntukan yang terpakai di bawah Akta ini.

(3) Semua surat cara, perakuan dan dokumen pergigian yang diserahkan simpan dengan Majlis dibubarkan sebelum tarikh ditetapkan hendaklah, pada tarikh ditetapkan, disifatkan telah diserahkan simpan dengan Majlis yang ditubuhkan oleh Akta ini.

Penerusan prosiding sivil dan jenayah

100. (1) Pemansuhan di bawah seksyen 93 mahupun apa-apa yang terkandung dalam Akta ini tidak boleh menjejaskan apa-apa liabiliti seseorang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta dimansuhkan sebelum tarikh ditetapkan dan pendakwaan bagi kesalahan itu hendaklah dibawa mengikut Akta dimansuhkan.

(2) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, kausa tindakan atau tindakan tatatertib yang sedang menunggu keputusan atau telah diwujudkan di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, Majlis atau mana-mana mahkamah sebaik sebelum tarikh ditetapkan oleh atau terhadap Majlis dibubarkan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Majlis dibubarkan boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Majlis yang ditubuhkan oleh Akta ini oleh atau terhadap Majlis dibubarkan atau orang itu seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh ditetapkan terhadap suatu keputusan yang diberikan sebaik sebelum tarikh ditetapkan dalam mana-mana prosiding undang-undang yang Majlis dibubarkan menjadi suatu pihak kepadanya boleh dibawa oleh atau terhadap Majlis yang ditubuhkan oleh Akta ini.

Latihan

101. Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh ditetapkan sedang menjalani tempoh latihan menurut subseksyen 12(3) Akta dimansuhkan hendaklah, pada tarikh ditetapkan, dibenarkan untuk melengkapkan tempoh latihan dan dibenarkan untuk didaftarkan di bawah seksyen 31 Akta ini, dengan syarat orang itu memenuhi subseksyen 12(3) Akta dimansuhkan.

Sekolah pergigian

102. Seseorang warganegara Malaysia yang tamat belajar dari mana-mana sekolah pergigian yang tersenarai dalam Jadual Kedua Akta dimansuhkan dalam tempoh lima tahun dari tarikh ditetapkan layak untuk didaftarkan di bawah seksyen 31 Akta ini.

Sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai Majlis dibubarkan

103. Sesuatu sebutan dalam mana-mana undang-undang atau dokumen yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh ditetapkan mengenai Majlis dibubarkan hendaklah pada tarikh ditetapkan ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Majlis yang ditubuhkan oleh Akta ini.

Sebutan mengenai Akta dimansuhkan

104. Apa-apa sebutan mengenai Akta dimansuhkan dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta ini dan apa-apa sebutan mengenai mana-mana peruntukan tertentu Akta dimansuhkan dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai peruntukan Akta ini yang sehampir sama dengan peruntukan tertentu itu.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 6(6) dan 18(6)]

PERUNTUKAN TAMBAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN MAJLIS DAN LEMBAGA

Tempoh jawatan

1. (1) Tertakluk kepada syarat sebagaimana yang boleh dinyatakan di dalam instrumen pelantikannya, anggota Majlis—

(a) yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(c), (d) dan (i); atau

(b) yang dipilih di bawah perenggan 6(1)(e) hingga (h),

hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula atau dipilih semula, dengan syarat anggota itu tidak boleh memegang jawatan bagi tempoh melebihi dua penggal berturut-turut.

(2) Seorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 18(1)(d) hingga (i) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan itu untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula, dengan syarat tiada anggota Lembaga layak untuk memegang jawatan bagi tempoh melebihi dua penggal berturut-turut.

Pengosongan jawatan

2. (1) Seseorang anggota Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) dia tidak lagi bermastautin di kawasan pengundian yang memilihnya atau yang dia wakili;
- (c) dia tidak lagi mengamal di sektor yang berkaitan yang dia dipilih atau dilantik;
- (d) dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis atau Lembaga tiga kali berturut-turut atau, dia hadir kurang daripada lima puluh peratus mesyuarat Majlis atau Lembaga dalam satu tahun, tanpa kebenaran Yang Dipertua atau Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (e) dia menjadi seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (f) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (g) dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda;
- (h) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Majlis, Lembaga atau selainnya, telah mencemarkan nama baik Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (i) namanya telah pada bila-bila masa dipotong disebabkan oleh prosiding tatatertib, daripada—
 - (i) Daftar Pergigian;

- (ii) Daftar Juruterapi Pergigian; atau
- (iii) mana-mana daftar pengamal pergigian atau juruterapi pergigian atau yang bersamaan dengannya yang disenggara di mana-mana tempat di luar Malaysia;
- (j) peletakan jawatannya diterima oleh Yang Dipertua atau Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (k) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana doktor pergigian yang merupakan anggota menurut perenggan 6(1)(e) hingga (h) meninggal dunia sebelum tamat tempoh penggal jawatannya, meletak jawatan atau selainnya berhenti menjadi anggota atas sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang doktor pergigian hendaklah dipilih mengganti tempatnya, bagi baki tempoh penggal yang doktor pergigian itu mungkin telah memegang jawatan itu jika dia tidak meninggal dunia, meletak jawatan atau berhenti daripada menjadi anggota.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), kekosongan mana-mana anggota yang dipilih di bawah perenggan 6(1)(e) hingga (h) tidak boleh diisi bagi baki tempoh penggal itu, jika tempoh jawatannya akan tamat dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh luput jawatan.

(4) Majlis atau Lembaga tidak boleh dihalang daripada melaksanakan apa-apa fungsinya atau menjalankan apa-apa kuasanya di bawah Akta ini oleh sebab apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya.

Pengerusi mesyuarat Majlis dan Lembaga

3. (1) Yang Dipertua hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis dan Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga.

(2) Pada masa ketiadaan Yang Dipertua pada mana-mana mesyuarat Majlis atau Pengerusi pada mana-mana mesyuarat Lembaga, atas apa-apa sebab, Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempengerusikan mesyuarat.

(3) Pada masa ketiadaan Yang Dipertua dan Pendaftar Pergigian pada mana-mana mesyuarat Majlis atau Pengerusi dan Pendaftar Juruterapi Pergigian pada mana-mana mesyuarat Lembaga, atas apa-apa sebab, mana-mana anggota lain Majlis yang dilantik oleh Yang Dipertua atau mana-mana anggota lain Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempengerusikan mesyuarat.

(4) Pendaftar Pergigian, Pendaftar Juruterapi Pergigian atau anggota yang dilantik di bawah subperenggan (3), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah—

- (a) sepanjang tempoh masa dia melaksanakan fungsi Yang Dipertua di bawah perenggan ini disifatkan sebagai Yang Dipertua; atau

- (b) sepanjang tempoh masa dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah perenggan ini disifatkan sebagai Pengerusi.

Kekerapan dan tempat mesyuarat

4. (1) Majlis atau Lembaga dan jawatankuasa hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat dan pada masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis yang dikeluarkan bagi pihak Yang Dipertua berkenaan dengan Majlis, Pengerusi berkenaan dengan Lembaga atau pengerusi jawatankuasa berkenaan dengan jawatankuasa, dengan syarat mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

(2) Anggota Majlis atau Lembaga boleh memohon mengadakan mesyuarat Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan mengemukakan notis permintaan kepada Setiausaha mengikut subperenggan (3).

(3) Notis permintaan di bawah subperenggan (2) hendaklah mengandungi tandatangan sekurang-kurangnya—

- (a) tiga orang anggota Majlis dan hendaklah menyatakan perkara yang hendak dibincangkan oleh Majlis; atau
- (b) tiga orang anggota Lembaga dan hendaklah menyatakan perkara yang hendak dibincangkan oleh Lembaga.

Kuorum

5. (1) Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah lapan dan kuorum bagi mesyuarat Lembaga hendaklah lima.

(2) Kuorum bagi mesyuarat jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada separuh anggota jawatankuasa.

Majlis, Lembaga dan jawatankuasa boleh menjemput orang lain ke mesyuarat

6. Majlis, Lembaga atau sesuatu jawatankuasa boleh menjemput mana-mana orang untuk hadir mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis, Lembaga atau jawatankuasa bagi maksud menasihatkan Majlis, Lembaga atau jawatankuasa atas apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak layak untuk mengundi di mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

Undi pemutus

7. Keputusan Majlis atau Lembaga hendaklah dibuat melalui undi majoriti biasa anggota yang hadir dan mengundi, dan dalam hal keadaan bilangan undi yang sama banyak, Yang Dipertua atau Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

Minit

8. (1) Majlis, Lembaga dan jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit mesyuarat Majlis, Lembaga dan jawatankuasa, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding undang-undang, diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Majlis, Lembaga dan jawatankuasa yang minit berkenaan dengannya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(4) Suatu jawatankuasa hendaklah memberi salinan minit kesemua mesyuaratnya kepada Majlis jika Majlis menghendaknya atau kepada Lembaga jika Lembaga menghendaknya.

Tatacara

9. Majlis, Lembaga dan jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Penzahiran kepentingan

10. (1) Seseorang anggota Majlis, Lembaga atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Majlis, Lembaga atau jawatankuasa, yang secara langsung atau tidak langsung, mempunyai apa-apa kepentingan berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Majlis, Lembaga atau jawatankuasa hendaklah menzahirkan kepada Majlis, Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, fakta dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Majlis, Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Selepas penzahiran di bawah subperenggan (1), anggota Majlis, Lembaga atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Majlis, Lembaga atau jawatankuasa—

- (a) tidak boleh mengambil bahagian atau menghadiri apa-apa pertimbangtelitian atau semasa pembuatan apa-apa keputusan oleh Majlis, Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan
- (b) tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk kuorum Majlis, Lembaga atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam pertimbangtelitian atau semasa membuat apa-apa keputusan mengenai perkara itu.

Kesahan perbuatan dan prosiding

11. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Majlis, Lembaga atau jawatankuasa; atau
- (b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit sesuatu kes.

Pejabat Majlis atau Lembaga

12. Pejabat Majlis dan Lembaga hendaklah berada di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

JADUAL KEDUA

[Seksyen 2, perenggan 30(a) dan 40(2)(b)]

KELAYAKAN YANG DIKTIKRAF BAGI PENDAFTARAN JURUTERAPI PERGIGIAN

<i>Negara yang kelayakan diberikan</i>	<i>Institusi yang memberi kelayakan</i>	<i>Kelayakan yang dianugerahi</i>
Malaysia	Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang	Diploma Kejururawatan Pergigian
	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Diploma Kejururawatan Pergigian
	Sekolah Latihan Pergigian Malaysia	Diploma Kejururawatan Pergigian
	Sekolah Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Kejururawatan Pergigian

JADUAL KETIGA

[Perenggan 35(1)(b)]

KELAYAKAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN BAGI PENDAFTARAN JURUTERAPI PERGIGIAN PASCAASAS

<i>Negara yang kelayakan diberikan</i>	<i>Disiplin</i>	<i>Institusi yang memberi kelayakan</i>	<i>Kelayakan yang dianugerahi</i>
Malaysia	Ortodontik	Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang	Sijil Pos Basik Ortodontik

*Negara yang
kelayakan
diberikan*

Disiplin

*Institusi yang
memberi kelayakan*

*Kelayakan yang
dianugerahi*

Ortodontik	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Ortodontik Jururawat Pergigian
Ortodontik	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Ortodontik
Ortodontik	Sekolah Latihan pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Ortodontik
Pembedahan mulut	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Bedah Mulut Jururawat Pergigian
Pergigian Pediatrik	Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang	Sijil Pos Basik Pergigian Pediatrik
Pergigian Pediatrik	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Pergigian Pediatrik
Pergigian Pediatrik	Sekolah Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Pergigian Pediatrik
Periodontik	Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang	Sijil Pos Basik Periodontik
Periodontik	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Pengkhususan Periodontik

<i>Negara yang kelayakan diberikan</i>	<i>Disiplin</i>	<i>Institusi yang memberi kelayakan</i>	<i>Kelayakan yang dianugerahi</i>
	Periodontik	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Perawatan Periodontik
	Periodontik	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Periodontik
	Periodontik	Sekolah Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Periodontik
	Periodontik (Komuniti)	Kolej Latihan Pergigian Malaysia	Sijil Pos Basik Periodontik

JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 81]

FI DAN CAJ

JENIS PERMOHONAN		FI (RM)
1.	Pendaftaran sebagai doktor pergigian	300
2.	Pendaftaran bersyarat	300
3.	Pendaftaran sebagai pakar pergigian (setiap kepakaran)	1,200
4.	Salinan perakuan pendaftaran sebagai doktor pergigian atau pakar pergigian atau perakuan pendaftaran bersyarat	100
5.	Pendaftaran sebagai juruterapi pergigian	50
6.	Pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas	200
7.	Salinan perakuan pendaftaran sebagai juruterapi pergigian atau juruterapi pergigian pascaasas	50
8.	Perakuan pengamalan tahunan dengan—	
	(a) alamat pengamalan utama sahaja	100
	(b) dua alamat pengamalan	200
	(c) tiga atau lebih alamat pengamalan	300
9.	Salinan perakuan pengamalan tahunan	50
10.	Pertukaran butir-butir atau alamat pada perakuan pengamalan tahunan	30

JENIS PERMOHONAN		FI (RM)
11.	Caj bagi permohonan lewat bagi perakuan pengamalan tahunan	100
12.	Perakuan pengamalan sementara	200
13.	Perakuan pengamalan sementara bagi pakar (setiap kepakaran)	500
14.	Salinan perakuan pengamalan sementara	50
15.	Penilaian kelayakan bagi Peperiksaan Kelayakan Profesional	300
16.	Carian atau cabutan daripada Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian	500
17.	Surat Pertarafan yang Baik	50
18.	Terjemahan perakuan pendaftaran atau perakuan pengamalan	100
19.	Garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis	30
20.	Salinan rekod prosiding tatatertib	250

JADUAL KELIMA

[Subseksyen 43(3) dan (4), subseksyen 50(2) dan perenggan 51(2)(g), (h), (i) dan (j)]

TATACARA YANG BOLEH DIJALANKAN OLEH JURUTERAPI PERGIGIAN

1. Seorang juruterapi pergigian boleh menjalankan tatacara yang berikut:
 - (a) tatacara klinikal ke atas orang di bawah umur 18 tahun;
 - (b) promosi, pendidikan dan pengajaran kesihatan pergigian; dan
 - (c) fotografi dalam mulut atas arahan doktor pergigian.

2. Tatacara klinikal yang boleh dijalankan oleh seorang juruterapi pergigian yang disebut dalam subperenggan (1)(a) hendaklah terhad kepada yang berikut:
 - (a) pemeriksaan mulut;
 - (b) pemulihan Kelas I, II, III dan V, dengan menggunakan bahan pemulihan langsung;
 - (c) pemberian anestesia susup setempat;
 - (d) pencabutan gigi primer;
 - (e) penempatan pengapan fisur;

- (f) sapuan gel dan pes fluorida topikal; dan
- (g) penskaleran supra-gingiva dan penggilap.

JADUAL KEENAM

[Subseksyen 43(4), subseksyen 50(2) dan perenggan 51(2)(i) dan (j)]

TATACARA YANG BOLEH DIJALANKAN OLEH JURUTERAPI
PERGIGIAN PASCAASAS

Seorang juruterapi pergigian yang didaftarkan dalam Bahagian B Daftar Juruterapi Pergigian sebagai juruterapi pergigian pascaasas boleh menjalankan, sebagai tambahan kepada tatacara dalam Jadual Kelima, tatacara yang berikut berhubung dengan disiplin yang dia dilatih:

A. Tatacara bagi disiplin periodontik

1. Pencartaan poket
2. Penempatan agen penyahpekaan
3. Pembuangan sutur
4. Pengetaman akar dan debridemen
5. Ujian pulpa elektrik
6. Pengambilan impresi bagi model kajian
7. Pengambilan x-ray dalam mulut

B. Tatacara bagi disiplin ortodontik

1. Penyediaan gigi bagi penggegelangan dan pengikat
2. Pemasukan alat pemisah kenyal
3. Pengambilan impresi bagi model kajian
4. Pengambilan x-ray dalam mulut

C. Tatacara bagi disiplin pembedahan mulut

1. Pengambilan tanda vital
 - (a) Tekanan darah
 - (b) Denyut
 - (c) Suhu badan
 - (d) Kadar pengudaraan

2. Pembuangan sutur
 3. Pembalutan luka mudah lepas pembedahan
 4. Pembersihan mulut
 5. Pengambilan impresi bagi model kajian
 6. Pengambilan x-ray dalam mulut
- D. Tatacara bagi disiplin pergigian pediatrik
1. Jururawat skrub dan pembantu umum dalam bilik bedah
 2. Penyediaan peralatan dan bahan bagi tatacara sedasi
 3. Pembuangan splin
 4. Pembuangan sutur
 5. Pembersihan mulut
 6. Pengambilan impresi bagi model kajian
 7. Pengambilan x-ray dalam mulut